



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 327

AKTA PENG GALAKAN PELABURAN 1986

Sebagaimana pada 1 Januari 2022

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Penggalakan Pelaburan 1986 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.

AKTA PENGALAKAN PELABURAN 1986

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	7 Mei 1986
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	15 Mei 1986
Teks sah teks bahasa Inggeris	...	...	...	P.U. (B) 561/1986
Kali terakhir dipinda melalui Akta 833 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	1 Januari 2022

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	...	2001
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	...	2006
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	...	...	...	...	2019

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 327

AKTA PENG GALAKAN PELABURAN 1986

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, tafsiran dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian galakan ini hanya bagi syarikat
4. Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan
- 4A. Aktiviti atau keluaran yang disifatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan
- 4B. Aktiviti atau keluaran yang disifatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi maksud subseksyen 5(1C), seksyen 26C, 26D, 26E dan 26G
- 4C. (*Dipotong*)
- 4D. Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih
- 4E. Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri modul komponen automatif
- 4F. Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi pelaburan semula

BAHAGIAN II

PELEPASAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN

Bab 1— Taraf Penyelidikan dan Kemajuan, dan Taraf Perintis

- 4G. Permohonan bagi kelulusan taraf penyelidikan dan kemajuan
- 4H. Pemberian taraf penyelidikan dan kemajuan

Seksyen

- 4I. Ketidakpatuhan kelulusan
- 4J. Penarikan balik kelulusan
- 4K. Penyerahan balik taraf penyelidikan dan kemajuan
- 4L. Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan
- 5. Permohonan untuk taraf perintis
- 6. Pemberian taraf perintis
- 7. Perakuan perintis
- 8. Penarikan balik taraf perintis
- 9. Pembatalan perakuan perintis
- 9A. Penyerahan taraf perintis atau perakuan perintis
- 10. Permohonan untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan
- 11. Kuat kuasa ke belakang
- 12. (*Dipotong*)
- 13. Erti syarikat berhubung dengan pertanian
- 14. Tempoh pelepasan cukai
- 14A. Pelanjutan tempoh pelepasan cukai
- 14B. Tiada pelanjutan tempoh pelepasan cukai untuk permohonan bagi taraf perintis yang diterima pada atau selepas 1 November 1991
- 14C. Pelanjutan tempoh pelepasan cukai bagi taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AB), 6(1AE), 6(1AG) atau 6(1Ai)
- 15. Perniagaan perintis dan selepas perintis
- 16. (*Dipotong*)
- 17. Kuasa untuk mengarahkan dalam hal tertentu
- 18. Elaun modal
- 19. (*Dipotong*)
- 20. Penyata pendapatan
- 21. Penghitungan pendapatan di sepanjang tempoh pelepasan cukai
- 21A. Sekatan pendapatan yang dihitung semasa tempoh pelepasan cukai
- 21B. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991

Seksyen

- 21BA. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat kecil di bawah subseksyen 6(1A)
- 21C. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AB)
- 21D. *(Dipotong)*
- 21DA. *(Dipotong)*
- 21E. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AC)
- 21F. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1) bagi permohonan di bawah subseksyen 5(1D)
- 21G. *(Dipotong)*
- 21H. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menyertai industri terpilih di bawah subseksyen 6(1AE)
- 21I. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menyertai industri pengeluaran modul komponen automatif di bawah subseksyen 6(1AF)
- 21J. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama di bawah subseksyen 6(1AG)
- 21K. *(Dipotong)*
- 21L. Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengkomersialkan dapatan penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen 6(1AI)
- 21M. *(Dipotong)*
- 22. *(Dipotong)*
- 22A. Syarikat hendaklah menyenggarakan penyata bagi pendapatan yang dihitug semasa tempoh pelepasan cukai
- 23. Dividen tertentu dikecualikan daripada cukai pendapatan
- 24. Pendapatan tersalah dikecualikan, dsb.
- 25. Kerugian yang ditanggung dalam tempoh pelepasan cukai

Bab 2—Elaun Cukai Pelaburan

Seksyen

26. Permohonan untuk kelulusan mengenai elaun cukai pelaburan
- 26A. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan suatu aktiviti atau suatu keluaran yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan
- 26B. (*Dipotong*)
- 26C. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak
- 26D. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat penyelidikan dan kemajuan
- 26E. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menjalankan penyelidikan dalam syarikat
- 26F. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat berteknologi tinggi atau syarikat yang menubuhkan atau menaik taraf makmal ujian peranti perubatan
- 26G. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat latihan teknikal atau vokasional dan institusi pengajian tinggi swasta
- 26H. (*Dipotong*)
- 26I. Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti atau keluaran dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D
- 26J. Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti atau keluaran dalam industri modul komponen automatik sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4E
- 26K. Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F
- 26L. (*Dipotong*)
- 26M. Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang mengusahakan keluaran makanan halal
- 26N. Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang menjimatkan penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri
- 26O. (*Dipotong*)
27. Pemberian kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan

Seksyen

- 27A. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26A(1)
- 27B. (*Dipotong*)
- 27C. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26C(1)
- 27D. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26D(1)
- 27E. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26E(1)
- 27F. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26F(1) atau (2A)
- 27G. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26G(1) atau (2)
- 27H. (*Dipotong*)
- 27I. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26I(1), (1A) dan (1B)
- 27J. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26J(1)
- 27K. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26K(1)
- 27L. (*Dipotong*)
- 27M. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26M(1)
- 27N. Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26N(1)
- 27O. (*Dipotong*)
- 27P. Penentuan tarikh kuat kuasa dan pematuhan bagi elaun cukai pelaburan
- 28. Penarikan balik kelulusan elaun cukai pelaburan
- 28A. Penyerahan pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan
- 29. Elaun cukai pelaburan
- 29A. Elaun cukai pelaburan berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991
- 29B. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26A yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A
- 29C. (*Dipotong*)

Seksyen

- 29D. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26C yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27C
- 29E. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26D yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27D
- 29F. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26E yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27E
- 29G. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26F yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27F
- 29H. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26G yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G
- 29I. (*Dipotong*)
- 29J. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26I yang telah diluluskan di bawah seksyen 27I
- 29K. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26J yang telah diluluskan di bawah seksyen 27J
- 29L. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26K yang telah diluluskan di bawah seksyen 27K
- 29M. (*Dipotong*)
- 29N. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26M yang telah diluluskan di bawah seksyen 27M
- 29O. Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26N yang telah diluluskan di bawah seksyen 27N
- 29P. (*Dipotong*)
- 29Q. Penentuan perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang tertakluk pada cukai barang dan perkhidmatan bagi elaun cukai pelaburan
- 29R. Pelarasan perbelanjaan modal yang dilakukan yang tertakluk pada cukai barang dan perkhidmatan
30. (*Dipotong*)
- 30A. Penarikan balik elaun cukai pelaburan berhubung dengan aset yang dilupuskan
31. Erti syarikat berhubung dengan pertanian

Bab 2A—Elaun Pelarasan Perindustrian

- 31A–31E. (*Dipotong*)

Bab 3—Pengurangan Pendapatan Larasan

Seksyen

32–35. (*Dipotong*)

Bab 4—Pengurangan Pendapatan Statutori untuk Eksport

36–38. (*Dipotong*)

Bab 5—Elaun Eksport

39–40A. (*Dipotong*)

Bab 6—Potongan bagi Penggalakan Eksport

41. Potongan bagi penggalakan eksport

Bab 7—Elaun Infrastruktur

41A–41B. (*Dipotong*)

BAHAGIAN III

TAMBAHAN

- 42. Kuasa memasuki, dsb.
- 43. Kuasa membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan
- 43A. Akaun yang berasingan
- 44. Pemansuhan
- 45. Kecualian
- 46–47. (*Dipotong*)
 - 48. Pemakaian Akta ini bagi tempoh pelepasan cukai
 - 49. Perbelanjaan modal yang dikenakan ke atas loji dan jentera dalam perniagaan hotel
 - 50. Permohonan untuk mendapatkan galakan daripada jenis yang serupa itu
 - 50A. Permohonan untuk mendapatkan elaun cukai pelaburan oleh syarikat yang telah diberikan galakan di bawah undang-undang termansuh
 - 50AA. Kelayakan syarikat di bawah undang-undang termansuh untuk mendapat elaun pelarasan perindustrian

Seksyen

- 50B. Kelayakan syarikat di bawah undang-undang termansuh untuk mendapatkan pengurangan pendapatan larasan atau elaun eksport
- 51. Permohonan di bawah undang-undang termansuh
- 52. Persetujuan Menteri Kewangan
- 53. Pemakaian seksyen 27 dan 29 undang-undang termansuh
- 54. Fungsi pegawai awam
- 55. Sebutan mengenai undang-undang termansuh

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 327

AKTA PENGALAKAN PELABURAN 1986

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penggalakan dengan cara dilepaskan daripada cukai pendapatan, penubuhan dan pembangunan perusahaan industri, pertanian dan perusahaan komersial lain di Malaysia, mengenai penggalakan eksport dan bagi maksud yang bersampingan dan berkaitan.

[1 Januari 1986]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, tafsiran dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

(2) Tertakluk pada seksyen 2, Akta ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] (kemudian daripada ini disebut “Akta ibu”).

(3) Akta ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1986 dan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1987 dan tahun taksiran yang terkemudiannya:

Dengan syarat bahawa jika kelulusan berkenaan dengan mana-mana permohonan, sama ada dibuat sebelum atau selepas mula berkuat

kuasanya Akta ini, diberikan di bawah Akta ini dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh sebelum 1 Januari 1986, Akta ini hendaklah berkuat kuasa dari tarikh itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seksyen 36 dan 39 hendaklah berkuat kuasa hanya berkenaan dengan keluaran perkilangan dan hasil pertanian yang dieksport pada atau selepas 1 Januari 1986.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti digalakkan” ertinya suatu aktiviti pengilangan, pertanian, pertanian bersepadu, hotel, pelancongan atau aktiviti perindustrian atau komersial lain yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk aktiviti yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A);

“aktiviti pertanian bersepadu” ertinya suatu aktiviti yang terdiri daripada pengeluaran hasil pertanian dan pengilangan hasil itu dan termasuklah apa-apa aktiviti yang berkaitan dan bersampingan dengan aktiviti itu;

“cukai input” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*];

“cukai output” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

“dapatan penyelidikan dan kemajuan” ertinya dapatan penyelidikan dan kemajuan dalam industri berasaskan sumber yang dimiliki penuh oleh institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia;

“dilakukan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada Akta ibu;

“hari pengeluaran” ertinya—hari yang dinyatakan sebagai sedemikian

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [*Akta 805*]—lihat seksyen 3 Akta 805.

dalam perakuan perintis mengikut seksyen 7;

“hotel” ertinya apa-apa tempat penginapan, yang termasuklah hotel, motel, chalet atau hostel, dari standard diluluskan yang didaftarkan dengan *Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;

“institusi pengajian tinggi swasta” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*];

“keluaran digalakkan” ertinya apa-apa keluaran yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk keluaran yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A);

“keluaran makanan halal” ertinya keluaran yang telah mendapat perakuan bagi sistem kualiti dan standard yang diiktiraf, dan perakuan halal yang dibuktikan melalui sijil yang dikeluarkan oleh badan yang memperakui yang ditentukan oleh Menteri Kewangan;

“kilang perintis” ertinya suatu kilang yang diperakui oleh suatu perakuan perintis sebagai suatu kilang perintis;

“koperasi berasaskan pertanian” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 109*];

“Menteri”, kecuali di mana terdapatnya sebutan khusus kepada Menteri Kewangan, ertinya; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri;

“pelaburan semula” ertinya—

- (a) berhubung dengan aktiviti perkilangan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(a) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan, pemodenan atau automasi kemudahan pengeluaran bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama;
- (b) berhubung dengan perniagaan hotel, perbelanjaan modal

*CATATAN—Dahulunya dikenali sebagai Kementerian, Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan—lihat P.U. (A) 132/2019.

yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(c) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan, pemodenan atau pengubahsuaian perniagaan hotel yang sama;

- (c) berhubung dengan projek pelancongan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(d) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan atau pemodenan projek pelancongan yang sama;
- (d) berhubung dengan aktiviti penyelidikan dan kemajuan atau perkhidmatan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 29D(6) dan (7), 29E(6) dan (7), dan 29F(6) dan (7) bagi maksud pengembangan atau pemodenan bagi aktiviti digalakkan yang sama; dan
- (e) berhubung dengan perkhidmatan berkaitan perkilangan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(e) dan subseksyen 29(8) bagi maksud pengembangan atau pemodenan bagi aktiviti digalakkan yang sama.

“penyelidikan dalam syarikat” ertinya penyelidikan dan kemajuan yang dijalankan di Malaysia dalam suatu syarikat bagi maksud perniagaannya sendiri;

“penyelidikan dan kemajuan” ertinya apa-apa kajian sistematik, siasatan dan eksperimen yang melibatkan risiko novelti atau teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau perbaikan bahan, alat, keluaran, hasil, atau proses, tetapi tidak termasuk—

- (a) kawalan mutu atau pengujian rutin bahan, alat atau keluaran;
- (b) penyelidikan sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- (c) pemungutan data rutin;
- (d) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;

- (e) penyelidikan pasaran atau penggalakan penjualan;
- (f) pengubahsuaian atau pengubahan rutin bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran; atau
- (g) pengubahsuaian kosmetik atau pengubahan stilistik bagi bahan, alat, keluaran, proses atau kaedah pengeluaran;

“perakuan perintis” ertinya suatu perakuan perintis yang diberikan di bawah seksyen 7 atau mana-mana perakuan itu sebagaimana yang dipinda;

“perniagaan hotel” ertinya penjalanan sesuatu perniagaan dalam hotel di mana perniagaan itu mengadakan tempat tidur dan mungkin termasuk mengadakan makanan, minuman dan perkhidmatan atau kemudahan lain dan pemberian konsesi bagi mana-mana bahagian hotel itu bagi maksud yang berkaitan dan bersampingan dengan penggalakan pelancongan;

“perniagaan perintis” ertinya perniagaan suatu syarikat perintis yang berhubungan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan syarikat itu yang dijalankan olehnya dalam tempoh pelepasan cukainya;

“perniagaan pra perintis” ertinya perniagaan suatu syarikat perintis berhubungan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan syarikat itu yang dijalankan olehnya sebelum bermulanya tempoh pelepasan cukai itu;

“perniagaan selepas perintis” ertinya perniagaan suatu syarikat perintis yang disifatkan di bawah seksyen 15 sebagai telah ditubuhkan dan bermula pada hari berikutan dengan berakhirnya tempoh pelepasan cukainya itu;

“Persatuan Nelayan Kawasan”, “Persatuan Nelayan Persekutuan” dan “Persatuan Nelayan Negeri” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Persatuan Nelayan 1971 [*Akta 44*];

“Persatuan Peladang Kawasan”, “Persatuan Peladang Persekutuan” dan “Persatuan Peladang Negeri” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam *Akta Persatuan Peladang 1967

*CATATAN—Akta Persatuan Peladang 1967 [*Akta 22 Tahun 1967*] telah dimansuhkan oleh Akta

[Akta 22 tahun 1967];

“pihak berkuasa tertakrif” ertinya Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan;

“projek pelancongan” ertinya suatu projek, selain perniagaan hotel, yang khususnya dijalankan bagi maksud yang berkaitan dengan penggalakan pelancongan dan didaftarkan dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya;

“standard diluluskan”, yang berhubungan dengan sesuatu hotel, ertinya standard sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tertakrif;

**“syarikat” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di Malaysia di bawah ***Akta Syarikat 1965 [Akta 125]; dan
- (b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran;

“syarikat berkaitan”, berhubung dengan sesuatu syarikat, ertinya suatu syarikat—

- (a) yang pengendaliannya dikawal atau boleh dikawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh syarikat yang mula-mula disebut;
- (b) yang mengawal atau boleh mengawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, pengendalian syarikat yang mula-mula disebut; atau
- (c) yang pengendaliannya dikawal atau boleh dikawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh seseorang yang mengawal atau boleh mengawal, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, pengendalian syarikat

Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109] yang berkuat kuasa pada 1 November 1973 – lihat seksyen 36 Akta 109.

**CATATAN—lihat seksyen 51 Akta A1468.

***CATATAN —Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017 —lihat subseksyen 620(1) Akta 777.

yang mula-mula disebut:

Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat hendaklah disifatkan sebagai suatu syarikat berkaitan kepada suatu syarikat lain jika—

- (i) sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada modal syer diterbitkan dimiliki secara benefisial, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh syarikat yang lain itu; atau
- (ii) (ii) sekurang-kurangnya dua puluh peratus daripada modal syer diterbitkan syarikat yang lain itu dimiliki secara benefisial, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, oleh syarikat yang pertama disebut;

“syarikat berteknologi tinggi” ertinya suatu syarikat yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memuncul;

“syarikat kecil”, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di Malaysia menurut *Akta Syarikat 1965; dan
- (b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran,

yang wang pemegang syernya pada tarikh pemberian taraf perintis dan pengeluaran perakuan perintis tidak melebihi suatu amaun yang diisytiharkan, dari semasa ke semasa, oleh Menteri dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*;

“syarikat latihan teknikal atau vokasional” ertinya suatu syarikat yang menyediakan latihan teknikal atau vokasional di Malaysia;

***“syarikat penyelidikan dan kemajuan” ertinya suatu syarikat yang diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan

*CATATAN—Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017—lihat subseksyen 620(1) Akta 777.

**CATATAN—lihat seksyen 63 Akta 833

di bawah seksyen 4H untuk menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan kemajuan di Malaysia kepada syarikat berkaitannya atau kepada mana-mana syarikat lain;

*“syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak” ertinya suatu syarikat yang diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan di bawah seksyen 4H untuk menyediakan perkhidmatan penyelidikan dan kemajuan di Malaysia hanya kepada syarikat selain syarikat berkaitannya;

“syarikat perintis” ertinya suatu syarikat yang diperakui oleh suatu perakuan perintis menjadi suatu syarikat perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang berkenaan dengannya tempoh pelepasan cukai belum lagi berakhir atau belum lagi tamat;

“tempoh pelepasan cukai”, berhubung dengan suatu syarikat perintis, ertinya tempoh yang ditentukan mengikut seksyen 14 dan apa-apa pelanjutan tempoh itu di bawah seksyen 14A;

“tempoh perakaunan” ertinya suatu tempoh yang akaun telah dibuat baginya mengikut perenggan 15(1)(c);

“wang pemegang syer” ertinya amaun agregat modal berbayar sesuatu syarikat (berkenaan dengan syer keutamaan dan syer biasa dan tidak termasuk apa-apa amaun berkenaan dengan syer bonus setakat yang syer itu dikeluarkan daripada rizab modal yang diwujudkan dengan cara penilaian semula aset tetap), rizab (selain apa-apa rizab modal yang telah diwujudkan dengan cara penilaian semula aset tetap dan peruntukan bagi susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penghausan nilai aset), baki akaun premium syer (tidak termasuk apa-apa amaun yang dikreditkan di dalamnya atas kehendak menerbitkan syer bonus dengan premium daripada rizab modal yang diwujudkan dengan cara penilaian semula aset tetap), dan baki akaun pengasingan untung dan rugi.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), dalam hal sesuatu industri, selain industri pengilangan, Akta ini hendaklah terpakai dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang perlu; dan, berhubung dengan mana-mana industri seperti itu, tanpa menjejaskan keluasan

*CATATAN—lihat seksyen 63 Akta 833

peruntukan yang tersebut di atas—

- (a) sebutan mengenai pembinaan boleh diketepikan jika ia tidak berkenaan;
- (b) sebutan mengenai suatu keluaran boleh ditafsirkan sebagai sebutan mengenai aktiviti yang bersesuaian dengan industri yang berkenaan;
- (c) sebutan mengenai pengeluaran suatu keluaran boleh ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perjalanan aktiviti atau aktiviti-aktiviti itu (sebutan mengenai pengeluaran suatu keluaran digalakkan yang berkaitan boleh ditafsirkan sewajarnya);
- (d) sebutan mengenai hari pengeluaran boleh ditafsirkan sebagai sebutan mengenai harinya sesuatu syarikat perintis mula mengeluarkan keluaran digalakkannya yang berkaitan sebanyak kuantiti boleh dipasarkan atau menjalankan aktiviti atau aktiviti-aktiviti itu secara komersial; dan
- (e) sebutan mengenai suatu kilang boleh ditafsirkan sebagai sebutan mengenai premis di mana aktiviti digalakkan ada dijalankan atau, jika sesuatu pentafsiran itu tidak sesuai, boleh diketepikan.

(3) Seksyen 136 Akta ibu hendaklah terpakai bagi fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini sebagaimana ia terpakai bagi fungsinya di bawah Akta ibu.

(4) Jika Akta ini membuat peruntukan mengenai apa-apa pendapatan supaya dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu, pendapatan yang berkenaan itu hendaklah diketepikan bagi maksud Akta ibu.

(5) Tertakluk pada subseksyen (1) hingga (4), jika sesuatu perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Akta ini ada ditakrifkan pengertiannya (atau mempunyai erti yang diberikan kepadanya) oleh mana-mana peruntukan dalam Akta ibu, sama ada bagi maksud Akta itu pada keseluruhannya atau bagi maksud mana-mana peruntukannya yang khusus, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan atau ungkapan itu hendaklah

dalam Akta ini mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan atau diberikan sedemikian itu.

Pemakaian galakan ini hanya bagi syarikat

3. Tertakluk pada seksyen 5 dan 6, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi sesuatu syarikat.

Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

4. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan hendaklah dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan.

(2) Suatu senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan yang ditentukan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan melalui perintah statutori dalam *Warta*.

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), Menteri boleh mengambil pertimbangan perkara yang berikut:

- (a) sama ada atau tidak dijalankan apa-apa aktiviti atau dikeluarkan apa-apa keluaran di Malaysia secara komersial yang sesuai dengan kehendak atau pembangunan ekonomi Malaysia atau tidak dijalankan ataupun dikeluarkan langsung; atau
- (b) sama ada—
 - (i) prospek yang baik untuk memajukan lagi aktiviti atau keluaran itu; atau
 - (ii) kekurangan kemudahan di Malaysia untuk membolehkan aktiviti itu dijalankan atau suatu keluaran dikeluarkan secara komersial sesuai dengan kehendak ekonomi.
- (c) (*Dipotong oleh Akta A862*).

(4) Menteri boleh berunding dengan mana-mana orang atau pertubuhan sebagaimana yang difikirkannya patut pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1).

(5) Menteri boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang ditentukan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau potongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

Aktiviti atau keluaran yang disifatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

4A. Walau apa pun seksyen 4, Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh berdasarkan kes demi kes menyifatkan apa-apa aktiviti atau keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan.

Aktiviti atau keluaran yang disifatkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi maksud subseksyen 5(1C), seksyen 26C, 26D, 26E dan 26G

4B. Walau apa pun seksyen 4, Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh menyifatkan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi maksud subseksyen 5(1C), seksyen 26C, 26D, 26E dan 26G.

4C. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih

4D. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih.

(2) Suatu senarai aktiviti atau keluaran di bawah subseksyen (1) dan

tarikh permulaan kuat kuasa aktiviti atau keluaran itu sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau pemotongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri modul komponen automatif

4E. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri modul komponen automatif.

(2) Suatu senarai aktiviti atau keluaran di bawah subseksyen (1) dan tarikh permulaan kuat kuasa aktiviti atau keluaran itu sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau pemotongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

Penentuan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi pelaburan semula

4F. (1) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkannya patut sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi pelaburan semula.

(2) Suatu senarai aktiviti atau keluaran di bawah subseksyen (1) dan tarikh permulaan kuat kuasa aktiviti atau keluaran itu sebagai aktiviti

digalakkan atau keluaran digalakkan hendaklah ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah subseksyen (1) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau pemotongan daripada senarai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

BAHAGIAN II

PELEPASAN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN

**Bab 1—Taraf Penyelidikan dan Kemajuan, dan Taraf Perintis*

Permohonan bagi kelulusan taraf penyelidikan dan kemajuan

4G. (1) Bagi maksud Akta ini, suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan, atau suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak ialah suatu syarikat yang diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan.

(2) Mana-mana syarikat boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri untuk diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan, dan Menteri boleh mengenakan apa-apa prasyarat bagi permohonan itu.

(3) Mana-mana syarikat yang memohon untuk diluluskan sebagai suatu syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan hendaklah menyatakan bahawa syarikat itu menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan di bawah Akta ini dan mematuhi apa-apa prasyarat yang dikenakan bagi permohonan itu.

(4) Apabila permohonan di bawah subseksyen (2) diterima, Menteri boleh meminta apa-apa maklumat atau dokumen tambahan yang berhubungan dengan permohonan itu, sekiranya perlu.

*CATATAN—lihat seksyen 62 Akta Kewangan 2021 [Akta 833] mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022

Pemberian taraf penyelidikan dan kemajuan

4H. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa prasyarat di bawah subseksyen 4G(2) telah dipatuhi, Menteri boleh memberikan kelulusan bagi taraf penyelidikan dan kemajuan kepada syarikat itu bagi suatu tempoh lima tahun berturut-turut bermula dari tarikh pemberian kelulusan itu atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut apabila memberikan kelulusan di bawah subseksyen (1).

(3) Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, mengubah syarat dalam kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(4) Menteri boleh, jika perlu, meminda kelulusan yang diberikan selain tempoh yang disebut dalam subseksyen (1).

Ketidakpatuhan kelulusan

4I. Jika suatu syarikat telah diberikan dengan suatu kelulusan di bawah subseksyen 4H(1) gagal untuk mematuhi syarat di bawah subseksyen 4H(1) dan (2), Menteri hendaklah melalui notis secara bertulis menghendaki syarikat itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyerahan notis itu untuk memulihkan kegagalan itu atau untuk membuktikan sehingga memuaskan hati Menteri bahawa kegagalan itu disebabkan oleh sebab yang di luar kawalan syarikat itu.

Penarikan balik kelulusan

4J. (1) Menteri boleh menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 4H(1) kepada suatu syarikat melalui notis secara bertulis jika—

- (a) syarikat itu telah gagal untuk mematuhi notis yang diserahkan kepadanya di bawah seksyen 4I; atau
- (b) Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melanggar apa-apa peruntukan Akta ini atau apa-apa syarat yang

dikenakan di bawah seksyen 4H dan dalam segala hal keadaan adalah bermanfaat berbuat demikian.

(2) Penarikan balik kelulusan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh kelulusan itu diberikan; atau
- (b) pada mana-mana tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Penyerahan balik taraf penyelidikan dan kemajuan

4K. (1) Mana-mana syarikat yang diberikan taraf penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen 4H(1) boleh, pada bila-bila masa, menyerahkan balik taraf itu dengan memberikan suatu notis secara bertulis bersama-sama dengan apa-apa alasan penyerahan balik itu kepada Menteri.

(2) Jika Menteri berpuas hati dengan alasan penyerahan balik taraf itu di bawah subseksyen (1), Menteri boleh meluluskan notis penyerahan balik itu dan penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa—

- (a) pada tarikh notis penyerahan balik diterima oleh Menteri; atau
- (b) pada mana-mana tarikh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan

4L. (1) Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, melanjutkan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan yang disebut dalam subseksyen 4H(1) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah, pada akhir tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen itu, mematuhi syarat yang dikenakan ke atas kelulusan yang disebut dalam subseksyen 4H(2) dan (3), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah bermula dari tarikh yang berikutan dengan berakhirnya tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan di bawah seksyen 4H dan berterusan selama tempoh lima tahun.

(3) Syarikat bertaraf penyelidikan dan kemajuan hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri bagi pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuannya dalam masa tiga puluh hari atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri selepas berakhirnya tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan itu di bawah subseksyen 4H(1).

(4) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (3) diterima, Menteri boleh meminta butiran lanjut atau apa-apa bukti tentang maklumat yang diberikan dalam permohonan itu yang difikirkannya perlu dan—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah mematuhi syarat yang disebut dalam subseksyen (1), Menteri boleh, dengan persetujuan secara bertulis Menteri Kewangan, memberikan pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan itu; atau
- (b) jika Menteri tidak berpuas hati, Menteri hendaklah menyebabkan suatu notis tentang keengganannya untuk memberikan pelanjutan itu dihantar kepada syarikat itu.

(5) Pelanjutan tempoh taraf penyelidikan dan kemajuan hendaklah diberikan tertakluk pada syarat yang dikenakan dalam kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 4H(2).

Permohonan untuk taraf perintis

5. (1) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti digalakkan atau hendak mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, bolehlah membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk taraf perintis, atau minta supaya diberikan taraf perintis apabila syarikat

yang dicadangkan itu telah didaftarkan, berhubung dengan aktiviti atau keluaran itu dan juga kilang itu:

Dengan syarat bahawa jika permohonan dibuat oleh sesuatu syarikat yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai sesuatu aktiviti digalakkan atau hendak mengeluarkan sesuatu keluaran digalakkan dan syarikat itu dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung oleh—

- (a) suatu syarikat perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27 yang menyertai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama seperti syarikat itu;
- (b) suatu syarikat yang diberi taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama seperti syarikat itu; atau
- (c) suatu syarikat selepas perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27 dan tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(2)(b) atau 29(2)(c) telah berakhir,

permohonan itu akan dipertimbangkan jika ia memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Menteri dalam perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(1A) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti atau hendak menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran yang penting dari segi nasional dan strategi bagi Malaysia dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis, atau meminta supaya diberikan taraf perintis apabila syarikat yang dicadangkan itu telah didaftarkan, berhubung dengan aktiviti atau keluaran itu dan juga kilang itu:

Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia boleh, jika ia memenuhi apa-apa syarat sebagaimana yang

ditentukan oleh Menteri, membuat permohonan bertulis kepada Menteri bagi mendapat taraf perintis.

(1B) *(Dipotong oleh Akta A1468).*

(1C) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk taraf perintis, atau meminta supaya diberikan taraf perintis apabila syarikat yang dicadangkan itu telah didaftarkan, berhubung dengan aktiviti itu dan juga kilang itu.

(1D) (a) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat berteknologi tinggi, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai dalam suatu aktiviti digalakkan atau hendak mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memunculkan dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk taraf perintis, atau meminta supaya diberikan taraf perintis apabila syarikat yang dicadangkan itu telah didaftarkan, berhubung dengan aktiviti atau keluaran itu dan juga kilang itu.

(b) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1) berkenaan dengan sesuatu permohonan di bawah subseksyen 5(1) atau kelulusan di bawah subseksyen 27(1) hendaklah layak memohon untuk taraf perintis di bawah perenggan (1D)(a) berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama:

Dengan syarat bahawa tempoh pelepasan cukai bagi syarikat perintis itu atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(2)(b) atau 29(2)(c) telah berakhir.

(c) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang untuk mendaftarkan suatu syarikat di Malaysia, yang berhasrat hendak menubuhkan suatu makmal ujian peranti perubatan di Malaysia, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk taraf perintis dengan syarat bahawa permohonan itu diterima dari

8 September 2007 hingga 31 Disember 2012.

(1DA) (*Dipotong oleh Akta A1468*).

(1DB) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat di Malaysia, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan dalam industri terpilih dan berniat supaya suatu kilang dibina atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang disiarkan oleh perintah statutori dalam *Warta*:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu permohonan dibuat oleh suatu syarikat yang menyertai atau berhasrat hendak menyertai dalam penajaan tenaga boleh diperbaharui atau menyediakan perkhidmatan penjimatan tenaga di Malaysia, yang telah ditetapkan sebagai aktiviti yang digalakkan di bawah seksyen 4D, selain untuk kegunaan sendiri, dan syarikat itu dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh—

- (i) syarikat perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27i yang menyertai aktiviti digalakkan yang sama seperti syarikat itu;
- (ii) suatu syarikat yang diberikan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan yang sama seperti syarikat itu; atau
- (iii) suatu syarikat selepas perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27i dan tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29j telah berakhir,

permohonan itu hendaklah dipertimbangkan oleh Menteri jika permohonan itu diterima dari 8 September 2007 hingga 31 Disember 2015.

(1DC) Mana-mana syarikat atau orang yang bercadang hendak

mendaftarkan suatu syarikat di Malaysia, yang berhasrat hendak menubuhkan atau menyertai suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan keluaran digalakkan dalam industri modul komponen automatif dan berniat supaya suatu kilang dibina, atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4E, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(1DD) (a) Mana-mana syarikat yang berhasrat hendak mengusahakan pelaburan semula di Malaysia, berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan suatu keluaran digalakkan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F:

Dengan syarat bahawa—

- (i) permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang disiarkan oleh perintah statutori dalam *Warta*; dan
- (ii) bagi suatu syarikat perintis, tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu berhubung dengan aktiviti digalakkan itu atau pengeluaran keluaran digalakkan itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14C atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29, 29A, 29AA, 29B, 29G, 29J, 29K atau 29N telah berakhir.

(b) Mana-mana syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak yang berhasrat hendak mengusahakan pelaburan semula di Malaysia, berhubung dengan suatu aktiviti penyelidikan dan kemajuan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis untuk aktiviti digalakkan yang sama:

Dengan syarat bahawa—

- (i) permohonan itu diterima pada atau selepas 21 Mei 2003; dan
- (ii) bagi suatu syarikat perintis, tempoh pelepasan cukai bagi

syarikat itu di bawah seksyen 14 atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29D telah berakhir.

(1DE) (*Dipotong oleh Akta A1468*).

(1DF) Mana-mana syarikat yang berhasrat hendak mengkomersialkan dapatan suatu penyelidikan dan kemajuan, dan berniat supaya suatu kilang dibina atau jika kilang telah sedia ada, diduduki di Malaysia bagi maksud itu, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri bagi taraf perintis, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(1DG) (*Dipotong oleh Akta A1400*).

(1E) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27(1), 27(1A), 27C(1), 27F(1), 27I(1), 27I(1A), 27J(1), 27K(1) atau seksyen 27N berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, syarikat itu layak memohon bagi taraf perintis di bawah subseksyen (1), (1A), (1C), (1D), (1DB), (1DC), (1DD) atau (1DF) setelah notis bertulis diberikan kepada Menteri untuk menyerahkan kelulusan berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa sehingga tarikh notis penyerahan itu, syarikat itu belum lagi melakukan perbelanjaan modal bagi maksud subseksyen 27(1), 27(1A), 27C(1), 27F(1), 27I(1), 27I(1A), 27J(1), 27K(1) atau seksyen 27N dan Menteri berpuas hati dengan sebab penyerahan kelulusan berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah seksyen ini hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Pemberian taraf perintis

6. (1) Apabila diterima sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 5(1) atau 5(1D), Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberi taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa suai manfaat berbuat demikian untuk kepentingan awam, dengan memberi perhatian khususnya—

- (a) kepada bilangan syarikat perintis yang telah pun ditubuhkan atau yang hampir hendak ditubuhkan berhubungan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang disebutkan dalam permohonan itu;
- (b) kepada pengeluaran atau pengeluaran yang dijangkakan bagi syarikat yang disebutkan dalam perenggan (a);
- (c) kepada prospek baik untuk memajukan lagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu;
- (d) jika permohonan itu dibuat oleh suatu syarikat, kepada orang yang menjadi pengarah syarikat itu dan perihalan orang yang menjadi anggota syarikat itu; dan
- (e) jika permohonan itu dibuat oleh orang yang bercadang hendak mendaftarkan sesuatu syarikat berkaitan dengan permohonan itu, kepada orang yang dicadangkan menjadi pengarah syarikat itu dan perihalan orang yang kepadanya modal syer itu atau mana-mana bahagian daripadanya dicadang hendak ditawarkan untuk langgan.

(1A) Apabila diterimanya sesuatu permohonan di bawah subseksyen 5(1) Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis kepada sesuatu syarikat kecil atau membuat keputusan untuk memberikan taraf perintis berikutan dengan pendaftaran sesuatu syarikat kecil, jika dia berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi atau akan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(1AB) Apabila diterima sesuatu permohonan di bawah subseksyen 5(1A) Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4A.

(1AC) Apabila diterima sesuatu permohonan di bawah subseksyen 5(1C) Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis kepada sesuatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak:

*Dengan syarat bahawa syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak itu pada masa permohonan mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi dan melakukan amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Malaysia bagi aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan.

(1AD) *(Dipotong oleh Akta A1468).*

(1AE) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DB) Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D.

(1AF) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DC) Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4E.

(1AG) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DD) Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2), (5) dan (6), memberikan taraf perintis jika dia berpuas hati bahawa aktiviti atau keluaran itu layak disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F.

(1AH) *(Dipotong oleh Akta A1468).*

(1AI) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DF), Menteri boleh, tertakluk pada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis kepada suatu syarikat yang mengkomersialkan dapatan suatu penyelidikan dan kemajuan.

(1AJ) *(Dipotong oleh Akta A1400).*

(1B) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengkaji semula senarai kriteria yang ditetapkan di bawah subseksyen (1A) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau potongan

*CATATAN—(i) Jika syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak telah diberikan taraf perintis pada atau sebelum 16 Oktober 2017, proviso ini tidak terpakai bagi syarikat itu hingga 30 Jun 2021; (ii) Jika syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak telah diberikan taraf perintis selepas 16 Oktober 2017, proviso ini tidak terpakai bagi syarikat itu sehingga 31 Disember 2018 – lihat seksyen 34 Akta 812.

daripada senarai itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Taraf perintis boleh diberikan mengikut terma permohonan itu atau boleh diberikan tertakluk pada apa-apa perubahan tentang terma itu, dan tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(3) Jika permohonan untuk taraf perintis dibuat oleh orang yang bercadang hendak mendaftarkan suatu syarikat berkaitan dengan permohonan itu, Menteri boleh memutuskan untuk memberikan taraf perintis di bawah seksyen ini berikutan dengan pendaftaran syarikat itu, dan jika dia memutuskan sedemikian—

- (a) keputusannya, berkenaan dengan pemberian taraf perintis di bawah subseksyen (1), boleh dinyatakan sebagai tertakluk pada apa-apa syarat yang berhubungan dengan mana-mana daripada perkara yang disebutkan dalam perenggan (1)(e), sebagaimana yang dinyatakan olehnya, atau berkenaan dengan sesuatu keputusan pemberian taraf perintis di bawah subseksyen (1A), (1AB), (1AC), (1AE), (1AF), (1AG) atau (1AI) boleh dinyatakan sebagai tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan olehnya;
- (b) dia hendaklah memberikan notis bertulis tentang keputusan itu dan apa-apa syarat kepada orang itu; dan
- (c) sekiranya syarikat itu didaftarkan dalam masa tiga bulan dari tarikh notis itu atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, dan Menteri berpuas hati bahawa syarat itu, jika ada, telah atau akan dipatuhi, taraf perintis boleh diberikan sewajarnya.

(4) Jika sesuatu syarikat tidak didaftarkan dalam masa itu atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan (3)(c), Menteri hendaklah membatalkan notis yang disebutkan dalam perenggan (3)(b) itu.

(5) Tiada apa-apa taraf perintis boleh diberikan oleh Menteri, dan tiada apa-apa keputusan untuk memberikan taraf perintis itu boleh diambil olehnya, melainkan jika keputusan untuk memberi taraf perintis itu dan terma dan syarat itu telah mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan.

(6) Menteri boleh mengubah apa-apa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) atau (3) tetapi tidak boleh berbuat demikian tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan.

Perakuan perintis

7. (1) Mana-mana syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6 hendaklah dalam masa dua puluh empat bulan dari tarikh pemberian itu atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, meminta mendapatkan perakuan perintis.

(1A) Suatu permohonan untuk lanjutan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh dua puluh empat bulan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri.

(2) Syarikat yang meminta suatu perakuan perintis hendaklah menyatakan—

- (a) kuantiti boleh dipasarkan bagi keluaran digalakkan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh kilangnya sebelum permintaan untuk perakuan perintis itu;
- (b) tarikh kilang itu memulakan pengeluaran keluaran digalakkan sebanyak kuantiti boleh dipasarkan dan kadar pengeluarannya;
- (c) bahawa syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 6(2) telah dipatuhi, atau jika mana-mana syarat itu belum lagi dipatuhi, sebab tidak mematuhi.

(3) Menteri boleh meminta apa-apa butir atau bukti selanjutnya tentang tarikh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) dan tertakluk padanya dan jika berpuas hati bahawa syarat itu telah dipatuhi atau berpuas hati dengan sebab yang diberikan di bawah perenggan (2)(c), dia boleh mengeluarkan suatu perakuan perintis memperakukan—

- (a) syarikat itu sebagai suatu syarikat perintis;
- (b) kilang di mana aktiviti digalakkan itu dijalankan atau keluaran digalakkan itu dikeluarkan sebagai suatu kilang perintis; dan

(c) hari pengeluaran bagi syarikat perintis itu.

(4) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut apabila mengeluarkan sesuatu perakuan perintis.

(5) Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh mengubah syarat dalam perakuan perintis itu.

(6) Menteri boleh jika perlu meminda perakuan perintis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3).

Penarikan balik taraf perintis

8. (1) Jika sesuatu syarikat, yang telah diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6, gagal mematuhi kehendak subseksyen 7(1) hingga (3), Menteri hendaklah melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu, memulihkan kegagalan itu atau membuktikan hingga memuaskan hatinya bahawa kegagalan itu disebabkan oleh sesuatu yang di luar kawalan syarikat itu.

(2) Menteri boleh menarik balik taraf perintis yang diberikan kepada sesuatu syarikat—

- (a) jika syarikat itu telah gagal mematuhi notis yang disampaikan kepadanya di bawah subseksyen (1); atau
- (b) jika dia berpuas hati bahawa syarikat itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 6(2) atau (3) dan bahawa dalam segala hal keadaan adalah bermanfaat berbuat demikian.

Pembatalan perakuan perintis

9. (1) Jika sesuatu syarikat perintis gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7 atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Menteri hendaklah melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu dalam masa tiga puluh hari dari

tarikh penyampaian notis tersebut memberi sebab mengapa perakuan perintis tidak patut dibatalkan.

(2) Menteri boleh membatalkan perakuan perintis suatu syarikat perintis—

- (a) jika syarikat itu telah gagal mematuhi notis yang disampaikan kepadanya di bawah subseksyen (1); atau
- (b) jika dia tidak berpuas hati dengan sebab kerana tidak patuh pada syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7 atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini.

(3) Jika perakuan perintis sesuatu syarikat perintis dibatalkan di bawah seksyen ini, pembatalan itu hendaklah diisytiharkan sebagai bermula—

- (a) dari tarikh perakuan perintis itu mula berkuat kuasa; atau
- (b) jika difikirkan patut oleh Menteri, dari suatu tarikh selepas tarikh perakuan perintis itu mula berkuat kuasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(4) Jika perenggan (3)(a) terpakai berhubung dengan pembatalan perakuan perintis suatu syarikat perintis—

- (a) subseksyen 11(2) dan seksyen 14 hingga 25 hendaklah disifatkan sebagai tidak pernah berkuat kuasa berhubung dengan syarikat itu;
- (b) apa-apa cukai yang dibayar balik kepada syarikat itu menurut subseksyen 11(2) hendaklah genap masa dan kena dibayar oleh syarikat itu pada tarikh pembatalan dan peruntukan Akta ibu yang berhubung dengan mendapatkan kembali cukai itu hendaklah terpakai; dan
- (c) jika subseksyen 11(2) berkuat kuasa sebelum tarikh pembatalan, apa-apa masa yang berjalan di bawah Akta ibu pada tarikh subseksyen 11(2) mula berkuat kuasa berhubung dengan syarikat itu hendaklah disifatkan sebagai telah mula berjalan dari tarikh pembatalan itu.

(5) Jika perenggan (3)(b) terpakai berhubung dengan pembatalan perakuan perintis sesuatu syarikat perintis—

- (a) tempoh pelepasan cukai syarikat itu hendaklah dikira bagi maksud seksyen 14 hingga 25 sebagai telah berakhir pada tarikh pembatalan itu diisytiharkan sebagai bermula; dan
- (b) jika tiada apa-apa akaun perniagaan perintis bagi syarikat itu telah dibuat sehingga tarikh itu, angka dalam akaun pertama bagi syarikat itu yang dibuat selepas tarikh itu, iaitu akaun—
 - (i) yang dibuat bagi maksud menyediakan akaun terakhir bagi perniagaan perintis itu dan akaun pertama bagi perniagaan selepas perintis bagi syarikat itu; dan
 - (ii) yang berhubungan dengan tempoh perakaunan yang termasuk tarikh pembatalan,

hendaklah bagi maksud seksyen 14 hingga 25 diumpukkan mengikut bilangan hari dalam tempoh itu yang berjalan sebelum tarikh itu.

(6) Jika perakuan perintis sesuatu syarikat dibatalkan di bawah seksyen ini taraf perintis yang diberikan kepada syarikat itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibatalkan.

(7) Seksyen ini hendaklah terpakai walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini.

Penyerahan taraf perintis atau perakuan perintis

9A. (1) Mana-mana syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau dikeluarkan suatu perakuan perintis di bawah Akta ini berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, layak memohon elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta ibu setelah menyerahkan taraf perintis atau perakuan perintis itu berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri bagi penyerahan itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana syarikat yang diberikan taraf perintis di bawah seksyen 6, atau dikeluarkan suatu perakuan perintis di bawah seksyen 7, boleh pada bila-bila masa

menyerahkan status atau perakuan itu dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi maksud suatu permohonan elaun cukai pelaburan di bawah Akta ini.

(3) Jika Menteri berpuas hati dengan sebab penyerahan apa-apa taraf atau perakuan di bawah subseksyen (1) atau (2), Menteri boleh memberi kelulusan ke belakang, dan penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa—

(a) dari tarikh taraf perintis itu diberikan; atau

(b) dalam hal suatu syarikat perintis—

(i) pada tarikh permohonan bagi penyerahan itu diterima oleh Menteri; atau

(ii) pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan bagi penyerahan itu diterima oleh Menteri.

Permohonan untuk aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan

10. Syarikat perintis atau syarikat yang telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan boleh membuat permohonan untuk mendapatkan taraf perintis berkenaan dengan apa-apa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan mengikut seksyen 5.

Kuat kuasa ke belakang

11. (1) Penentuan apa-apa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4 atau pemberian taraf perintis di bawah seksyen 6 atau pengeluaran suatu perakuan perintis di bawah seksyen 7 boleh dibuat supaya berkuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada 1 Januari 1986.

(2) Jika menurut seksyen ini sesuatu perakuan perintis itu hendak

dikuatkuasakan ke belakang dari suatu tarikh sebelum perakuan perintis itu diberikan—

- (a) apa-apa perbuatan atau perkara yang telah dilakukan atau yang telah berlaku bagi maksud Akta ibu semenjak tarikh itu dan yang tidak mungkin dilakukan atau tidak berlaku sekiranya perakuan itu telah berkuat kuasa pada tarikh itu hendaklah bila-bila masa perlu bagi maksud Akta ini dan Akta ibu dikira sebagai tidak dilakukan atau tidak berlaku; dan
- (b) jika perbuatan itu terdiri daripada pembayaran apa-apa cukai oleh sesuatu syarikat perintis, cukai itu hendaklah dibayar balik mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta ibu dengan seberapa segera yang boleh selepas tamatnya sembilan puluh hari dari hari pengeluaran bagi syarikat itu.

12. *(Dipotong oleh Akta A1318).*

Erti syarikat berhubung dengan pertanian

13. Bagi maksud Bab ini, dalam hal permohonan untuk taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan pertanian, “syarikat” termasuk koperasi berasaskan pertanian, Persatuan Peladang Kawasan, Persatuan Peladang Persekutuan, Persatuan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Persekutuan, Persatuan Nelayan Negeri dan ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau persatuan yang semata-matanya melibatkan diri dalam pertanian:

Dengan syarat bahawa seksyen 23 hanya terpakai bagi sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Tempoh pelepasan cukai

14. Tempoh pelepasan cukai sesuatu syarikat perintis hendaklah bermula pada hari pengeluarannya dan terus berjalan selama tempoh lima tahun.

Pelanjutan tempoh pelepasan cukai

14A. (1) Tertakluk pada seksyen 14B, Menteri boleh, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, melanjutkan tempoh pelepasan cukai di bawah seksyen 14 sesuatu syarikat perintis yang menjalankan suatu aktiviti pengilangan atau suatu aktiviti yang berhubungan dengan pemerosesan air jika dia berpuas hati bahawa syarikat itu telah, pada akhir tempoh pelepasan cukai di bawah seksyen itu, memenuhi kehendak di bawah subseksyen (2).

(2) Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan hendaklah menetapkan dalam suatu perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta* aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dan apa-apa kehendak lain bagi maksud mendapatkan lanjutan tempoh pelepasan cukai itu.

(3) Tempoh pelepasan cukai lanjutan yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah bermula dari tarikh yang berikutan dengan berakhirnya tempoh pelepasan cukai di bawah seksyen 14 dan berterusan selama tempoh lima tahun.

(4) Syarikat perintis hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk melanjutkan tempoh pelepasan cukainya dalam masa tiga puluh hari atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukainya di bawah seksyen 14.

(5) Apabila suatu permohonan di bawah subseksyen (4) diterima, Menteri boleh meminta butiran lanjut atau apa-apa bukti tentang maklumat yang diberikan dalam permohonan itu yang difikirkannya perlu dan—

(a) jika dia berpuas hati bahawa syarikat itu telah mematuhi kehendak seksyen ini, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, memberi lanjutan tempoh pelepasan cukai itu; atau

(b) jika dia tidak berpuas hati sedemikian, hendaklah menyebabkan suatu notis tentang keenggannya untuk memberikan lanjutan itu dihantar kepada syarikat.

(6) Pelanjutan suatu tempoh pelepasan cukai hendaklah diberikan

tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan dalam perakuan perintis atau perubahan terma dan syarat dalam perakuan itu.

(7) Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 7(4) dan (5) dalam perakuan perintis yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Tiada pelanjutan tempoh pelepasan cukai untuk permohonan bagi taraf perintis yang diterima pada atau selepas 1 November 1991

14B. Seksyen 14A tidak terpakai bagi suatu syarikat perintis yang permohonan bagi taraf perintis diterima pada atau selepas 1 November 1991.

Pelanjutan tempoh pelepasan cukai bagi taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AB), 6(1AE), 6(1AG) atau 6(1AI)

14C. (1) Walau apa pun seksyen 14B, suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AB), (1AE), (1AG) atau (1AI) boleh memohon secara bertulis bagi suatu pelanjutan tempoh pelepasan cukai yang telah diberikan di bawah seksyen 14:

Dengan syarat bahawa bagi maksud subseksyen 6(1AG), seksyen ini hendaklah hanya terpakai bagi suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi maksud pengeluaran keluaran nilai ditambah yang menggunakan biojisim kelapa sawit.

(2) Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan boleh melanjutkan tempoh pelepasan cukai yang diberikan di bawah seksyen 14.

(3) Subseksyen 14A(3) hingga (7) yang berhubungan dengan suatu pelanjutan tempoh pelepasan cukai hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

Perniagaan perintis dan selepas perintis

15. (1) Jika perniagaan sesuatu syarikat perintis dijalankan olehnya sebelum atau selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukainya, bagi maksud Akta ibu dan Akta ini—

- (a) perniagaan itu hendaklah disifatkan sebagai telah terhenti buat selama-lamanya pada akhir tempoh pelepasan cukai bagi syarikat perintis itu;
- (b) berkenaan dengan perniagaan itu, syarikat perintis itu hendaklah disifatkan sebagai telah menubuhkan dan memulakan perniagaan baharu (kemudian daripada ini disebut “perniagaan selepas perintis”) pada hari berikutan dengan berakhirnya tempoh pelepasan cukainya itu;
- (c) syarikat perintis itu hendaklah membuat akaun bagi perniagaan perintisnya—
 - (i) bagi tempoh tidak melebihi satu tahun bermula pada tarikh bila perniagaan perintis bagi syarikat itu bermula;
 - (ii) bagi tempoh satu tahun yang berturut-turut selepas itu; dan
 - (iii) bagi tempoh tidak melebihi satu tahun berakhir pada tarikh bila tempoh pelepasan cukainya berakhir; dan
- (d) dalam membuat akaun pertama bagi perniagaan selepas perintisnya syarikat perintis itu hendaklah mengambil sebagai angka permulaan untuk akaun itu angka penutup berkenaan dengan aset dan liabilitinya seperti yang ditunjukkan dalam akaunnya yang lalu bagi tempoh pelepasan cukainya; dan akaun yang berikutnya bagi perniagaan selepas perintisnya hendaklah dibuat dengan membuat rujukan kepada angka penutup dalam akaun pertama itu, dan apa-apa akaun yang kemudiannya hendaklah disediakan sebegitu juga dengan membuat rujukan kepada angka penutup bagi akaun yang terdahulunya bagi perniagaan selepas perintisnya.

(2) Jika sesuatu syarikat perintis telah disifatkan sebagai ditubuhkan dan memulakan perniagaan selepas perintis dan akaun perniagaan selepas perintis itu dibuat hingga hari yang bersamaan dengan hari bila akaun tahunan perniagaan perintis itu telah dibuat—

- (a) tempoh asas (bagi tahun taksiran perniagaan perintis itu) yang dalamnya jatuh hari mulanya perniagaan selepas perintis itu hendaklah menjadi bagi perniagaan selepas perintis itu tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan
- (b) tidak ada apa-apa tempoh asas bagi perniagaan selepas perintis bagi mana-mana tahun taksiran yang mendahului tarikh yang pertama disebut itu.

16. *(Dipotong oleh Akta A656).*

Kuasa untuk mengarahkan dalam hal tertentu

17. Bagi maksud Akta ibu dan Akta ini, Ketua Pengarah boleh mengarahkan bahawa—

- (a) apa-apa jumlah wang yang kena dibayar kepada syarikat perintis dalam mana-mana tempoh perakaunan yang, kalau tidak kerana Akta ini, mungkin semunasabahnya dan sepatutnya telah dijangkakan kena dibayar mengikut perjalanan biasa perniagaan selepas berakhirnya tempoh itu hendaklah dikira—
 - (i) sebagai tidak kena dibayar dalam tempoh itu akan tetapi sebagai kena dibayar pada suatu tarikh selepas tempoh itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah; dan
 - (ii) jika tarikh itu adalah selepas berakhirnya tempoh pelepasan cukai bagi syarikat perintis itu, sebagai kena dibayar sedemikian pada tarikh tersebut sebagai sejumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan perniagaan selepas perintisnya; dan
- (b) apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh sesuatu syarikat perintis dalam masa satu tahun selepas berakhirnya tempoh

pelepasan cukainya yang, jika tidak kerana Akta ini, mungkin semunasabahnya dan sepatutnya telah dijangkakan kena dilakukan mengikut perjalanan perniagaan biasa di sepanjang tempoh pelepasan cukainya hendaklah dikira sebagai tidak dilakukan dalam masa tahun itu tetapi sebagai telah dilakukan—

- (i) bagi maksud perniagaan perintisnya; dan
- (ii) pada suatu tarikh dalam tempoh pelepasan cukainya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

Elaun modal

18. (1) Pendapatan syarikat perintis berkenaan dengan perniagaan perintisnya yang termasuk untuk dipastikan mengikut Akta ini bagi mana-mana tempoh perakaunan hendaklah dipastikan sedemikian (selepas membuat apa-apa pelarasan yang perlu berikutan daripada arahan di bawah seksyen 17) selepas memotong elaun yang kena dibuat di bawah Jadual 3 kepada Akta ibu walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat:

Dengan syarat bahawa jika loji atau jentera digunakan secara langsung atau secara tidak langsung bagi maksud penstoran, pengolahan atau pelupusan buangan terjadual sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989 [*P.U. (A)139/1989*] oleh sesuatu syarikat perintis bagi maksud perniagaan perintisnya, apa-apa perbelanjaan modal yang dilakukan semasa tempoh pelepasan cukai oleh syarikat perintis itu berkenaan dengan loji atau jentera itu hendaklah bagi maksud Jadual 3 Akta ibu disifatkan telah dilakukan pada hari berikutan dengan berakhirnya tempoh pelepasan cukai itu.

(2) (*Dipotong oleh Akta A751*).

(3) Tertakluk pada perenggan (6)(b)—

- (a) jika sesuatu aset digunakan bagi maksud perniagaan praperintis sesuatu syarikat perintis dan terus digunakan bagi maksud perniagaan perintis syarikat perintis itu—

- (i) perbelanjaan bakian pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran sebelum sahaja tahun taksiran dalam tempoh asas yang terjatuhnya hari permulaan perniagaan perintis itu hendaklah, berkenaan dengan perniagaan perintis itu dan bagi maksud Jadual 3 kepada Akta ibu, disifatkan sebagai perbelanjaan bakian aset itu pada hari permulaan perniagaan perintis itu; dan
 - (ii) apa-apa perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat perintis itu berkenaan dengan aset itu dalam tempoh asas yang terjatuhnya tarikh pemberhentian perniagaan pra perintis itu hendaklah, bagi maksud Jadual 3 kepada Akta ibu, disifatkan telah dilakukan pada hari permulaan perniagaan perintis itu;
- (b) jika sesuatu aset digunakan bagi maksud perniagaan perintis sesuatu syarikat perintis dan terus digunakan bagi maksud perniagaan selepas perintis syarikat perintis itu—
- (i) perbelanjaan bakian pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran sebelum sahaja tahun taksiran dalam tempoh asas yang terjatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis itu hendaklah, berkenaan dengan perniagaan selepas perintis itu dan bagi maksud Jadual 3 kepada Akta ibu, disifatkan sebagai perbelanjaan bakian aset itu pada hari permulaan perniagaan selepas perintis itu; dan
 - (ii) apa-apa perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat perintis itu berkenaan dengan aset itu dalam tempoh asas yang terjatuhnya tarikh pemberhentian perniagaan perintis itu hendaklah, bagi maksud Jadual 3 kepada Akta ibu, disifatkan telah dilakukan pada hari permulaan perniagaan selepas perintis itu.

(4) *(Dipotong oleh Akta A751).*

(5) Walau apa pun perenggan 75 Jadual 3 kepada Akta ibu, jika aset digunakan bagi maksud perniagaan praperintis sesuatu syarikat perintis dan oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan pasaran daripada perniagaan praperintis itu bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas yang terjatuhnya hari permulaan

perniagaan perintis itu, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau amaun agregat apa-apa elaun berkenaan dengan aset itu yang kena diberikan kepada syarikat bagi tahun itu berhubung dengan perniagaan praperintis itu, elaun itu atau agregat amaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu berhubung dengan perniagaan perintisnya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang terjatuhnya hari permulaan perniagaan perintis itu.

(6) Jika dalam hal yang subseksyen (1) dan (3) terpakai baginya, aset yang digunakan bagi maksud sesuatu aktiviti digalakkan atau mengeluarkan sesuatu keluaran digalakkan itu juga digunakan bagi maksud sesuatu aktiviti atau mengeluarkan sesuatu keluaran yang aktiviti atau keluarannya bukan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan atau yang aktiviti atau keluarannya suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang berkenaan dengannya syarikat itu telah diberikan taraf perintis dan yang tempoh pelepasan cukainya telah tamat—

- (a) hendaklah dibuat di bawah Jadual 3 kepada Akta itu berkenaan dengan apa-apa perbelanjaan modal atas aset itu apa-apa potongan yang munasabah memandang kepada setakat mana aset itu digunakan bagi maksud aktiviti atau keluaran yang kedua disebut itu; dan
- (b) perbelanjaan bakian yang ditentukan di bawah perenggan (3)(a) atau (3)(b) hendaklah dikurangkan dengan amaunnya apa-apa potongan yang dibuat di bawah perenggan (a).

(7) Bagi mengelakkan keraguan, diisytiharkan bahawa jika sesuatu aset digunakan bagi maksud perniagaan perintis sesuatu syarikat perintis dan oleh sebab tidak cukup atau tiada pendapatan laran daripada perniagaan perintis itu bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis itu, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau dengan amaun agregat apa-apa elaun berkenaan dengan aset itu yang kena diberikan kepada syarikat itu bagi tahun itu berhubung dengan perniagaan perintis itu, elaun itu atau amaun agregat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh

disifatkan sebagai elaun yang kena dibuat kepada syarikat itu berhubung dengan perniagaan selepas perintisnya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis itu atau mana-mana tahun taksiran yang kemudiannya:

Dengan syarat bahawa jika tempoh pelepasan cukai bagi perniagaan perintis itu tamat pada atau selepas 1 Oktober 2005, elaun itu atau amaun agregat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai elaun yang kena dibuat kepada syarikat itu berhubung dengan perniagaan selepas perintisnya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang jatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis itu atau mana-mana tahun taksiran yang kemudiannya.

19. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Penyata pendapatan

20. Sekian banyak daripada Bahagian V Akta ibu sebagaimana yang terpakai dalam hal sesuatu syarikat hendaklah terpakai dalam segala segi seolah-olah pendapatan sesuatu syarikat perintis berkenaan dengan perniagaan perintisnya boleh dikenakan cukai.

Penghitungan pendapatan di sepanjang tempoh pelepasan cukai

21. (1) Pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan bagi perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuk hari akhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan
- (b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu.

(2) Amaun pendapatan sesuatu syarikat yang ditentukan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada—

- (a) apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis

syarikat itu yang dikeluarkan di bawah seksyen 7;

(b) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A.

(3) Jika sesuatu amaun didapati di bawah subseksyen (1) atau di bawah subseksyen (1) dan (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika amaun itu dikurangkan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut subseksyen 25(2), syarikat itu hendaklah menyenggarakan suatu penyata yang menunjukkan amaun yang berkenaan atau amaun yang dikurangkan yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) *(Dipotong oleh Akta A1400).*

(5) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis sebelum 1 November 1991 menurut suatu permohonan bagi taraf perintis yang diterima sebelum 1 November 1991; dan
- (b) suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis pada atau selepas 1 November 1991 tetapi permohonannya bagi taraf perintis telah diterima sebelum 1 November 1991.

Sekatan pendapatan yang dihitug semasa tempoh pelepasan cukai

21A. (1) Jika sesuatu syarikat perintis telah ditentukan sebagai mempunyai kerugian larasan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran berkenaan dengan sesuatu perniagaan yang berhubungan dengan—

- (a) sesuatu aktiviti atau pengilangan suatu keluaran yang bukannya suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan;
- (b) sesuatu aktiviti atau pengilangan suatu keluaran yang merupakan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya ia tidak diberikan kelulusan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27,

sekian banyak daripada pendapatan statutori syarikat perintis

mana-mana berkenaan dengan perniagaan perintisnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 21 bagi tahun taksiran itu hendaklah dikurangkan dengan sebanyak kerugian itu.

(2) Jika sesuatu syarikat perintis telah ditentukan sebagai mempunyai kerugian larasan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran berkenaan sesuatu perniagaan yang berhubungan dengan sesuatu aktiviti atau pengilangan suatu keluaran yang merupakan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27 tetapi yang tempoh pelepasan cukainya atau tempoh yang ditetapkan di bawah perenggan 29(2)(b), (c) atau (d) telah tamat, sekian banyak daripada pendapatan statutori syarikat perintisnya itu berkenaan dengan atau perniagaan perintisnya yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 21 bagi tahun taksiran itu hendaklah dikurangkan dengan sebanyak kerugian itu.

(3) Sekian banyak daripada kerugian itu yang telah dipergunakan untuk mengurangkan pendapatan statutori syarikat perintis itu berkenaan dengan perniagaan perintisnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tahun taksiran itu tidak dimasukkan kira bagi maksud subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta ibu.

(4) Walau apa pun peruntukan lain Bab ini, jika dalam suatu tahun taksiran, terdapat pelarasan kepada kerugian yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) bagi mana-mana tahun taksiran yang mengakibatkan pengurangan atau penambahan kerugian itu, tertakluk pada subseksyen 91(4) Akta ibu, Ketua Pengarah boleh dalam tahun taksiran yang mula-mula disebut atau dalam masa enam tahun selepas tamatnya tahun taksiran itu membuat—

- (a) pelarasan kepada pendapatan statutori syarikat perintis yang ditentukan di bawah seksyen 21 bagi tahun taksiran itu; atau
- (b) pentaksiran bagi tahun taksiran itu sebagaimana yang didapatinya perlu untuk menindak balas apa-apa faedah pengecualian yang diperoleh sebelum pelarasan kerugian itu.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991

21B. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis menurut suatu permohonan bagi taraf perintis yang diterima pada atau selepas 1 November 1991 selain suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AB).

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan
- (b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu.

(3) Tujuh puluh peratus daripada amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk pada—

- (a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan
- (b) apa-apa pengurangan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut subseksyen 25(2).

(4) Bagi maksud Akta ibu, tiga puluh peratus daripada amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan sebagai pendapatan menyeluruh atau sebahagian daripada pendapatan menyeluruh, suatu syarikat perintis bagi tahun taksiran yang relevan itu.

(5) Syarikat itu hendaklah menyenggarakan suatu penyata yang menunjukkan amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (3).

(6) *(Dipotong oleh Akta A1400).*

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat kecil di bawah subseksyen 6(1A)

21BA. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat kecil yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1A), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1) diterima pada atau selepas 21 Mei 2003.

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AB)

21C. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AB).

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan
- (b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia, pendapatan syarikat itu bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya ialah pendapatan nilai tambahan syarikat itu.

(2A) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “pendapatan nilai tambahan” ertinya pendapatan statutori bagi tempoh asas bagi tahun taksiran tolak pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi; dan
- (b) “pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi” hendaklah ditentukan mengikut formula—

- (i) untuk tahun pertama, dari hari pengeluaran:

$$A (1+B)$$

di mana:

A ialah pendapatan statutori purata untuk sehingga tiga tahun sebelum hari pengeluaran; dan

B ialah kadar inflasi untuk tahun asas;

- (ii) untuk tahun kedua, dari hari pengeluaran dan kemudiannya:

$$C (1+B)$$

di mana:

C ialah pendapatan yang dilaraskan mengikut inflasi untuk tahun yang sebelumnya; dan

B ialah kadar inflasi untuk tahun asas.

(3) Amaun pendapatan syarikat yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk pada—

- (a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan
- (b) apa-apa pengurangan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut subseksyen 25(2).

(4) Syarikat itu hendaklah menyenggarakan suatu penyata yang menunjukkan amaun pendapatan yang didapati di bawah

subseksyen (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1400).*

21D. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

21DA. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1AC)

21E. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AC).

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

- (a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan
- (b) menentukan pendapatan yang berkenaan seolah-olah ia pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu.

(2A) Bagi mengelakkan keraguan, pendapatan syarikat perintis yang disebut dalam subseksyen (2) tidak termasuk apa-apa pendapatan daripada royalti dan pendapatan lain yang berpunca daripada hak harta intelek jika ia boleh diterima sebagai balasan bagi pengeksplotan secara komersial hak itu.

(2B) Apa-apa pendapatan yang berpunca daripada hak harta intelek yang disebut dalam subseksyen (2A) adalah tertakluk pada cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

(2C) Bagi maksud seksyen ini, “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada mana-mana paten, penemuan dan inovasi utiliti,

hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepandaian dan proses atau formula rahsia, petunjuk geografi dan pemberian geran perlindungan varieti tumbuhan, dan hak-hak lain yang serupa, sama ada yang berdaftar atau boleh daftar.

(3) Amaun pendapatan syarikat yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk pada—

(a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan

(b) apa-apa pengurangan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut subseksyen 25(2).

(4) Syarikat itu hendaklah menyenggarakan suatu penyata yang menunjukkan amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1400).*

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan di bawah subseksyen 6(1) bagi permohonan di bawah subseksyen 5(1d)

21F. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat berteknologi tinggi atau suatu syarikat yang menubuhkan suatu makmal ujian peranti perubatan atau yang menaik taraf makmal pengujian peranti perubatan yang sedia ada di Malaysia, yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1) bagi suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1d).

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, pendapatan sesuatu syarikat perintis bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya hendaklah dihitung mengikut Akta ibu dengan—

(a) menyifatkan setiap tempoh perakaunan itu sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran yang termasuklah hari terakhir bagi tempoh perakaunan yang berkenaan itu; dan

- (b) menentukan pendapatan yang dikenakan seolah-olah ia adalah pendapatan statutori daripada perniagaan perintis bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu syarikat yang sedang beroperasi dan menjalankan aktiviti berhubung dengan menaik taraf makmal pengujian peranti perubatan di Malaysia, pendapatan syarikat itu bagi setiap tempoh perakaunan perniagaan perintisnya ialah pendapatan nilai tambahan syarikat itu dan subseksyen 21C(2A), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(3) Amaun pendapatan syarikat yang didapati di bawah subseksyen (2) hendaklah tertakluk pada—

- (a) apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A; dan
- (b) apa-apa pengurangan oleh kerugian larasan daripada perniagaan perintis syarikat itu menurut subseksyen 25(2).

(4) Syarikat itu hendaklah menyenggarakan suatu penyata yang menunjukkan amaun pendapatan yang didapati di bawah subseksyen (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) (*Dipotong oleh Akta A1400*).

21G. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menyertai industri terpilih di bawah subseksyen 6(1AE)

21H. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AE), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DB) diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), dan (4)

hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang menyertai industri pengeluaran modul komponen automatif di bawah subseksyen 6(1AF)

21I. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AF), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DC) diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama di bawah subseksyen 6(1AG)

21J. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1AG), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1DD) diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), bagi suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam industri berasaskan sumber, aktiviti pemprosesan makanan, perniagaan hotel dan projek pelancongan, subseksyen 21B(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(3) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam

perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), bagi suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, subseksyen 21E(2), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(4) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), bagi mengeluarkan keluaran nilai ditambah menggunakan biojisim kelapa sawit, subseksyen 21C(2), (2A), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(5) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berhubung dengan suatu permohonan di bawah subseksyen (1), bagi aktiviti atau keluaran selain yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3) dan (4), hendaklah tujuh puluh peratus daripada pendapatan nilai tambahan syarikat itu bagi tahun taksiran itu, dan subseksyen 21C(2), (2A), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

21K. (Dipotong oleh Akta A1468).

Penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan taraf perintis yang diberikan kepada syarikat yang mengkomersialkan dapatan penyelidikan dan kemajuan di bawah subseksyen 6(1A)

21L. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1A), dengan syarat bahawa suatu permohonan di bawah subseksyen 5(1D) diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Tertakluk pada apa-apa syarat yang boleh dinyatakan dalam perakuan perintis suatu syarikat yang dikeluarkan di bawah seksyen 7, bagi maksud penghitungan pendapatan semasa tempoh pelepasan cukai berkenaan dengan subseksyen (1), subseksyen 21E(2), (3) dan (4) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

21M. *(Dipotong oleh Akta A1400).*

22. *(Dipotong oleh Akta A1400).*

Syarikat hendaklah menyenggarakan penyata bagi pendapatan yang dihitung semasa tempoh pelepasan cukai

22A. Sesuatu syarikat hendaklah menyenggarakan suatu penyata bagi pendapatan yang dihitung semasa tempoh pelepasan cukai di bawah seksyen 21, 21B, 21BA, 21C, 21E, 21F, 21H, 21I, 21J atau 21L.

Dividen tertentu dikecualikan daripada cukai pendapatan

23. (1) Sebaik sahaja apa-apa amaun pendapatan sesuatu syarikat perintis dikecualikan di bawah seksyen 22A, amaun itu hendaklah dikreditkan kepada suatu akaun yang disenggara oleh syarikat perintis itu bagi maksud seksyen ini (akaun dan syarikat itu masing-masingnya disebut akaun terkecuali dan syarikat yang berkaitan dalam seksyen ini dan seksyen 24).

(2) Jika akaun terkecuali itu menunjukkan kredit pada tarikh apa-apa dividen dibayar oleh syarikat yang berkaitan itu daripada pendapatan yang telah dikecualikan di bawah seksyen 22A, suatu amaun yang sama banyak dengan dividen atau kredit itu, mengikut mana yang terkurang, hendaklah didebitkan kepada akaun terkecuali itu.

(3) Sekian banyak daripada amaun apa-apa dividen yang didebitkan kepada akaun terkecuali di bawah subseksyen (2) sebagaimana yang diterima oleh pemegang syer dalam syarikat yang berkaitan itu hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu yang ada dalam tangan pemegang syer itu.

(4) Apa-apa dividen yang didebitkan kepada akaun terkecuali di bawah subseksyen (2) hendaklah dikira sebagai telah diagihkan kepada pemegang syer (atau kepada mana-mana kelas pemegang syer yang tertentu) bagi syarikat yang berkaitan itu mengikut kadar yang sama dengan kadar yang pemegang syer yang berkenaan itu berhak dapat pembayaran dividen yang menimbulkan pendebitan itu.

(5) Syarikat itu hendaklah menyimpan suatu salinan akaun terkecuali sehingga Ketua Pengarah berpuas hati bahawa akaun terkecuali itu tidak lagi perlu disenggarakan.

(6) Jika—

- (a) suatu amaun diterima sebagai dividen daripada syarikat yang berkaitan itu oleh seorang pemegang syer;
- (b) amaun itu dikecualikan daripada cukai di bawah subseksyen yang tersebut di atas; dan
- (c) pemegang syer itu suatu syarikat,

apa-apa dividen yang dibayar oleh syarikat pemegang syer itu kepada pemegang syernya itu hendaklah dikecualikan daripada cukai yang ada dalam tangan pemegang syer itu.

(7) Seksyen 108 Akta ibu tidak terpakai berkenaan dengan apa-apa dividen atau sebahagian daripadanya yang didebitkan kepada akaun terkecuali atau berkenaan dengan apa-apa dividen atau sebahagian daripadanya yang dikecualikan di bawah subseksyen (6).

Pendapatan tersalah dikecualikan, dsb.

24. (1) Walau apa pun peruntukan yang lain dalam Akta ini, jika ternyata kepada Ketua Pengarah bahawa apa-apa pendapatan syarikat yang berkaitan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A atau apa-apa dividen yang dikecualikan yang ada dalam tangan pemegang syer di bawah seksyen 23 sepatutnya tidak dikecualikan disebabkan—

- (a) suatu arahan di bawah seksyen 17 telah diberikan berkenaan dengan suatu syarikat perintis selepas apa-apa pendapatan syarikat itu telah dikecualikan di bawah seksyen 22A;
- (b) pembatalan suatu perakuan perintis; atau
- (c) apa-apa pelarasan lain kepada pendapatan statutori syarikat perintis yang ditentukan di bawah seksyen 21, 21B, 21BA, 21C, 21E, 21F, 21H, 21I, 21J atau 21L,

dia boleh, pada bila-bila masa dalam masa enam tahun selepas tarikh arahan, pembatalan atau pelerasan, membuat apa-apa taksiran tambahan ke atas mana-mana syarikat sebagaimana yang didapatinya perlu untuk mencegah apa-apa faedah yang didapati daripada pengecualian itu, atau mengarahkan syarikat yang berkaitan itu supaya mendebitkan akaun terkecuali itu dengan apa-apa amaun sebagaimana yang dikehendaki oleh hal keadaan.

(2) Arahan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah, bagi maksud seksyen 99 Akta ibu, disifatkan sebagai suatu notis taksiran yang tidak berhubungan dengan taksiran yang dibuat di bawah seksyen 92 Akta tersebut.

Kerugian yang ditanggung dalam tempoh pelepasan cukai

***25.** (1) Amaun apa-apa kerugian yang ditanggung dalam mana-mana tempoh perakaunan bagi perniagaan perintis sesuatu syarikat perintis hendaklah dihitung mengikut cara yang sama seperti apa-apa pendapatan yang kena dihitung di bawah subseksyen 21(1), 21B(2), 21BA(2), 21C(2), 21E(2), 21F(2), 21H(2), 21I(2), 21J(2), (3), (4), (5) atau 21L(2).

(2) Jika—

- (a) amaun apa-apa kerugian bagi sesuatu syarikat perintis telah dihitung bagi suatu tempoh perakaunan; dan
- (b) mengikut subseksyen 21(1), 21B(2), 21BA(2), 21C(2), 21E(2), 21F(2), 21H(2), 21I(2), 21J(2), (3), (4), (5) atau 21L(2), tempoh perakaunan itu telah dikira bagi maksud penghitungan itu sebagai tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran,

amaun kerugian itu hendaklah dipotong mengikut cara yang diperuntukkan oleh subseksyen 43(2) dan 44(1) Akta ibu daripada apa-apa pendapatan statutori daripada perniagaan perintis atau agregat pendapatan statutori daripada perniagaan perintis, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi syarikat itu selepas apa-apa sekatan di bawah seksyen 21A bagi tahun taksiran itu.

**CATATAN—Lihat seksyen 37 Akta 812 untuk penjelasan.*

(3) (*Dipotong oleh Akta 812*).

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori daripada perniagaan perintis atau perniagaan-perniagaan perintis bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa potongan yang kena dibuat bagi tahun itu menurut subseksyen (2), potongan itu yang belum lagi dibuat (atau sekian banyak daripadanya yang belum lagi dibuat) bagi tahun itu hendaklah dibuat apabila menghitung jumlah pendapatan syarikat itu menurut subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta ibu bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang terjatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis atau mana-mana tahun taksiran yang kemudiannya.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), potongan yang belum lagi dibuat (atau sekian banyak daripadanya yang belum lagi dibuat) bagi tahun taksiran di bawah subseksyen itu, hendaklah hanya dibuat ke atas syarikat itu mengikut subseksyen itu bagi tempoh tujuh tahun taksiran berturut-turut dan tempoh itu bermula sebaik selepas tahun taksiran yang berkaitan dengan tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan tempoh selepas perniagaan perintis, dan apa-apa amaun potongan pada akhir tempoh itu yang masih belum dibuat ke atas syarikat itu, oleh sebab ketidakcukupan atau ketiadaan pendapatan berkanun bagi tempoh itu, tidak boleh diambil kira bagi maksud seksyen ini.

Bab 2—Elaun Cukai Pelaburan

Permohonan untuk kelulusan mengenai elaun cukai pelaburan

26. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan (3), mana-mana syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan:

Dengan syarat bahawa jika permohonan dibuat oleh sesuatu syarikat yang menyertai atau bercadang menyertai sesuatu aktiviti digalakkan atau pengeluaran suatu keluaran digalakkan di Malaysia dan syarikat itu dikuasai secara langsung atau secara tidak langsung oleh—

- (a) suatu syarikat perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27 yang menyertai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama seperti syarikat itu;
- (b) suatu syarikat yang diberi taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama seperti syarikat itu; atau
- (c) suatu syarikat selepas perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27 dan tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(2)(b) atau 29(2)(c) telah berakhir,

permohonan itu akan ditimbang jika ia memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Menteri dalam perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Syarikat perintis atau syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27, hanya layak memohon mendapatkan elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain dari aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya perakuan perintis telah dikeluarkan atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberi notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

(4) Permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan suatu aktiviti atau suatu keluaran yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

26A. (1) Mana-mana syarikat yang bercadang hendak menubuhkan atau menyertai sesuatu aktiviti atau hendak menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran di Malaysia yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan:

Dengan syarat bahawa suatu syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia boleh, jika ia memenuhi apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk mendapat kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

26B. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak

26C. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), mana-mana syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan.

(2) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti itu.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat penyelidikan dan kemajuan

26D. (1) Mana-mana syarikat penyelidikan dan kemajuan yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat yang menjalankan penyelidikan dalam syarikat

26E. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dalam syarikat boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat berteknologi tinggi atau syarikat yang menubuhkan atau menaik taraf makmal ujian peranti perubatan

26F. (1) Tertakluk pada subseksyen (2) dan (3), mana-mana syarikat

yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memunculkan boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis di bawah subseksyen 6(1) berkenaan dengan sesuatu permohonan di bawah subseksyen 5(1) atau kelulusan di bawah subseksyen 27(1) hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(2A) Mana-mana syarikat yang bercadang hendak menubuhkan makmal ujian peranti perubatan atau menaik taraf makmal ujian peranti perubatan yang sedia ada di Malaysia boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan dengan syarat bahawa permohonan itu diterima dari 8 September 2007 hingga 31 Disember 2012.

(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis, berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan, ia boleh layak memohon, untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan pemberian taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan bagi syarikat latihan teknikal atau vokasional dan institusi pengajian tinggi swasta

26G. (1) Mana-mana syarikat latihan teknikal atau vokasional yang

menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia boleh membuat permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan.

(2) Mana-mana institusi pengajian tinggi swasta sedia ada atau baharu yang mengadakan atau bercadang untuk mengadakan kursus sains kelayakan di Malaysia sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

26H. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti atau keluaran dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D

26I. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(1A) Walau apa pun subseksyen (1), jika permohonan dibuat oleh sesuatu syarikat yang menyertai atau berhasrat hendak menyertai di Malaysia dalam penjaan tenaga boleh diperbaharui, yang telah ditetapkan sebagai aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4D, dan syarikat itu dikawal secara langsung atau secara tidak langsung oleh—

- (a) suatu syarikat perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27I(1) yang menyertai dalam aktiviti digalakkan yang sama seperti syarikat itu;

- (b) suatu syarikat yang diberikan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan yang sama seperti syarikat itu; atau
- (c) suatu syarikat selepas perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27I(1), (2) dan (3) dan tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 29J(1), (2), (3) dan (4) telah berakhir,

permohonan itu hendaklah ditimbang oleh Menteri jika permohonan itu diterima dari 8 September 2007 hingga 31 Disember 2015.

(1B) Walau apa pun subseksyen (1) dan (1A), jika permohonan dibuat oleh sesuatu syarikat yang menyertai atau berhasrat hendak menyertai di Malaysia dalam penajaan tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri, yang telah ditetapkan sebagai aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4D, dan syarikat itu dikawal secara langsung atau secara tidak langsung oleh—

- (a) suatu syarikat perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27I(1A) yang menyertai dalam aktiviti digalakkan yang sama seperti syarikat itu;
- (b) suatu syarikat yang diberikan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan yang sama seperti syarikat itu; atau
- (c) suatu syarikat selepas perintis atau suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud sesuatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27I(1A), (2) dan (3) dan tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 29J(2A), (3A) dan (4) telah berakhir,

permohonan itu hendaklah ditimbang oleh Menteri jika permohonan itu diterima dari 8 September 2007 hingga 31 Disember 2015.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27I, hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan

selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan, atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam industri terpilih sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4D, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti atau keluaran dalam industri modul komponen automatif sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4E

26J. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau bercadang hendak menyertai di Malaysia dalam suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan dalam industri modul komponen automatif seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 4E, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27J hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan, atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Jika suatu syarikat telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4E ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

(4) Suatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan berkenaan dengan pelaburan semula dalam aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F

26K. (1) Mana-mana syarikat yang mengusahakan atau berhasrat hendak mengusahakan pelaburan semula dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 4F, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan:

Dengan syarat bahawa—

- (a) permohonan itu diterima pada atau selepas tarikh sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*; dan
- (b) tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu berhubung dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14C atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29, 29A, 29AA, 29B, 29G, 29J, 29K atau 29N telah tamat.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27K hanya boleh layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1)

berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Mana-mana syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, syarikat penyelidikan dan kemajuan atau syarikat yang menjalankan penyelidikan dalam syarikat, yang mengusahakan atau berhasrat untuk mengusahakan pelaburan semula di Malaysia berhubung dengan suatu aktiviti penyelidikan dan kemajuan, boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan bagi aktiviti digalakkan yang sama:

Dengan syarat bahawa—

- (a) permohonan itu diterima pada atau selepas 21 Mei 2003; dan
- (b) tempoh pelepasan cukai bagi syarikat itu berhubung dengan aktiviti digalakkan itu di bawah seksyen 14, 14A atau 14C atau tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 29D, 29E atau 29F telah tamat.

(4) Jika suatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F, ia layak memohon untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) setelah memberikan notis bertulis kepada Menteri untuk menyerahkan taraf perintis berhubung dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini hendaklah hanya terpakai jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan taraf perintis berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu.

(5) Suatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

26L. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang mengusahakan keluaran makanan halal

26M. (1) Mana-mana syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai di Malaysia dalam pengeluaran keluaran makanan halal boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Sesuatu syarikat perintis atau sesuatu syarikat yang telah diberikan taraf perintis atau kelulusan di bawah seksyen 27M hanya layak memohon elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang baginya suatu perakuan perintis telah dikeluarkan, atau taraf perintis atau elaun cukai pelaburan telah diberikan.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Permohonan untuk kelulusan bagi elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang menjimatkan penggunaan tenaga untuk kegunaan sendiri

26N. (1) Mana-mana syarikat yang melakukan atau berhasrat untuk melakukan perbelanjaan modal bagi penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri boleh membuat suatu permohonan bertulis kepada Menteri untuk kelulusan bagi maksud suatu elaun cukai pelaburan, dengan syarat bahawa permohonan itu diterima dari 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2015.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mengikut apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

26O. (*Dipotong oleh Akta A1400*).

Pemberian kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan

27. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan untuk elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, dan kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang aktiviti atau keluaran itu telah ditetapkan menjadi suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawahseksyen 4:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan, atau telah sebaliknya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti atau keluaran itu telah ditetapkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan, atau perbelanjaan modal telah dilakukan berhubung dengannya itu; dan
- (ii) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso yang tersebut di atas dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26(1) diterima oleh Menteri.

(1A) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan suatu permohonan untuk suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26(1) kepada suatu syarikat kecil, tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran atau telah sebaliknya melakukan perbelanjaan

modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti atau keluaran itu disifatkan sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang tidak lebih awal daripada 21 Mei 2003; dan

- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1A) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan (1A).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), (1A) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

(4) Suatu syarikat yang diberikan kelulusan di bawah subseksyen ini boleh, pada bila-bila masa sepanjang tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 29(2)(B) atau (C), menyerahkan kelulusan itu dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri dan jika Menteri berpuas hati dengan sebab bagi penyerahan kelulusan itu atau syarikat itu telah mematuhi terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1), (1A) atau (2) atau dengan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa mulai dari suatu tarikh yang dinyatakan oleh Menteri dalam notis yang meluluskan penyerahan itu dan tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh notis diterima oleh Menteri.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26A(1)

27A. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26A(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam mengeluarkan suatu keluaran, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 4A, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti atau dalam mengeluarkan keluaran itu, atau perbelanjaan modal telah dilakukan berhubung dengannya itu; dan
- (ii) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26A(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

27B. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26C(1)

27C. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26C(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya

melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti itu atau perbelanjaan modal itu telah dilakukan berhubung dengannya; dan

- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26C(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26D(1)

27D. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26D(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut, dan kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh yang

syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti itu atau perbelanjaan modal telah dilakukan berhubung dengannya itu; dan

- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal dari tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26D(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dan (2), Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26E(1)

27E. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26E(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti itu atau perbelanjaan modal itu telah dilakukan berhubung dengannya; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga

tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26E(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26F(1) atau (2A)

27F. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26F(1) atau (2A) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti itu atau perbelanjaan modal itu telah dilakukan berhubung dengannya; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26F(1) diterima oleh Menteri.

(1A) Menteri boleh memberikan kelulusan berkenaan dengan suatu permohonan untuk suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26F(2A) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah menubuhkan suatu makmal ujian peranti perubatan atau telah menaik taraf suatu makmal ujian peranti perubatan yang sedia ada, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari tarikh yang tidak lebih awal daripada 8 September 2007; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1A) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26F(2A) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan (1A).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26G(1) atau (2)

27G. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26G(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh yang syarikat itu telah melibatkan diri dalam aktiviti itu atau perbelanjaan modal itu dilakukan berhubung dengannya; dan

- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26G(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan untuk suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26G(2) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa institusi itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu disifatkan sebagai aktiviti digalakkan di bawah seksyen 4B, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada 1 Oktober 2005; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (2) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26G(2) diterima oleh Menteri.

(3) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) atau (2).

(4) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

27H. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26I(1), (1A) dan (1B)

27I. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26I, (1), (1A) dan tertakluk pada apa-apa terma dan syarat

sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari satu tarikh yang tidak awal daripada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 4D; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26I(1) dan (1A) diterima oleh Menteri.

(1A) Menteri boleh memberikan kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaan cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26I(1B) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh yang aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D berhubung dengan penajaan tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak awal daripada tarikh aktiviti atau keluaran itu ditetapkan oleh Menteri sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke

belakang di bawah subseksyen (1A) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26I(1B) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan (1A).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26J(1)

27J. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26J(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu atau keluaran telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4E, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari satu tarikh yang tidak awal daripada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 4E; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26J(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26K(1)

27K. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26K(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti atau keluaran itu telah disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4F, kelulusan itu boleh diberikan pada hari pertama perbelanjaan modal dibuat dan tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh permohonan diterima oleh Menteri.

(2) Berhubung dengan perniagaan hotel dan projek pelancongan, kelulusan hendaklah diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh syarikat itu telah melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, tetapi tidak lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26K(1) diterima oleh Menteri.

(3) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan (2).

(4) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

27L. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26M(1)

27M. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan

permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26M(1) kepada suatu syarikat yang mengusahakan pengeluaran keluaran makanan halal tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau dalam pengeluaran suatu keluaran digalakkan, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 11 September 2004; dan
- (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26M(1) diterima oleh Menteri.

(2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

(3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.

Pemberian kelulusan permohonan bagi elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26N(1)

27N. (1) Menteri boleh memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan bagi suatu elaun cukai pelaburan yang dibuat di bawah subseksyen 26N(1) tertakluk pada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti, atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, dari suatu tarikh sebelum tarikh aktiviti itu disifatkan sebagai suatu aktiviti digalakkan, kelulusan itu boleh diberikan

dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005;

- (aa) jika suatu permohonan diterima dari 8 September 2007 hingga 31 Disember 2015 dan Menteri berpuas hati bahawa syarikat itu telah melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau telah selainnya melakukan perbelanjaan modal berhubung dengannya, kelulusan itu boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari tarikh permohonan itu diterima tetapi tidak lebih awal dari 8 September 2007; dan
 - (b) tiada kelulusan boleh diberikan dengan kuat kuasa ke belakang di bawah subseksyen (1) atau di bawah proviso sebelum ini dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tiga tahun dari tarikh permohonan di bawah subseksyen 26N(1) diterima oleh Menteri.
- (2) Menteri boleh mengubah terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1).
- (3) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.
- 27O.** *(Dipotong oleh Akta A1400).*

Penentuan tarikh kuat kuasa dan pematuhan bagi elaun cukai pelaburan

- 27P.** (1) Mana-mana syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27I, 27J, 27K, 27M dan 27N hendaklah, dalam masa dua puluh empat bulan dari tarikh pemberian itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, meminta untuk mendapatkan tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburannya.
- (2) Suatu permohonan untuk lanjutan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh dua puluh empat bulan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri.
- (3) Syarikat yang membuat permohonan bagi penentuan tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburannya di bawah subseksyen (1) hendaklah

menyatakan perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat itu.

(4) Perbelanjaan modal yang disebut dalam subseksyen (3) adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 29(7) dan 29(8).

(5) Jika sesuatu syarikat telah diberikan penentuan tarikh kuat kuasa bagi elaun cukai pelaburannya di bawah subseksyen (1), syarikat itu hendaklah, dalam tempoh elaun cukai pelaburan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, mengemukakan kepada Menteri Kewangan butiran sebagaimana yang ditentukan bagi tujuan pematuhan apa-apa syarat yang dikenakan.

Penarikan balik kelulusan elaun cukai pelaburan

28. (1) Jika suatu syarikat yang telah diberikan suatu kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27I, 27J, 27K, 27M atau 27N tidak mematuhi mana-mana terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 27(1), (1A), (2), 27A(1), (2), 27C(1), (2), 27D(1), (2), 27E(1), (2), 27F(1), (1A), (2), 27G(1), (2), (3), 27I(1), (2), 27J(1), (2), 27K(1), (2), (3), 27M(1), (2), 27N(1), (2) atau dengan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Menteri hendaklah melalui notis bertulis menghendaki syarikat itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis itu supaya menunjukkan sebab mengapa kelulusan itu tidak patut ditarik balik.

(2) Menteri boleh menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 27(1), (1A), 27A(1), 27C(1), 27D(1), 27E(1), 27F(1), (1A), 27G(1), (2), 27I(1), 27J(1), 27K(1), (2), 27M(1) atau 27N(1)—

- (a) jika syarikat itu telah gagal mematuhi notis yang disampaikan kepadanya di bawah subseksyen (1);
- (b) jika dia tidak berpuas hati dengan sebab-sebab ketidakpatuhan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 27(1), (1A), (2), 27A(1), (2), 27C(1), (2), 27D(1), (2), 27E(1), (2), 27F(1), (1A), (2), 27G(1), (2), (3), 27I(1), (2), 27J(1), (2), 27K(1), (2), (3), 27M(1), (2), 27N(1), (2) atau mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini.

Penyerahan pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan

28A. (1) Mana-mana syarikat yang telah diberikan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah Akta ini berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, layak untuk memohon elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta ibu apabila menyerahkan pemberian itu dengan memberikan suatu notis bertulis penyerahan itu kepada Menteri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan elaun cukai pelaburan di bawah Akta ini boleh pada bila-bila masa menyerahkan kelulusan itu dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Menteri:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi maksud suatu permohonan untuk taraf perintis di bawah Akta ini.

(3) Jika Menteri berpuas hati dengan sebab-sebab penyerahan kelulusan itu di bawah subseksyen (1) atau (2), Menteri boleh dalam notis meluluskan penyerahan itu memberikannya berkuat kuasa ke belakang, dan penyerahan itu hendaklah berkuat kuasa—

- (a) dari tarikh pemberian kelulusan elaun cukai pelaburan itu; atau
- (b) dalam hal suatu syarikat yang telah melakukan perbelanjaan modal, pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan itu diterima oleh Menteri.

Elaun cukai pelaburan

29. (1) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu, hendaklah diberikan kepada syarikat bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak amaun yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, dan elaun itu tidak boleh lebih daripada seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun untuk perbelanjaan yang diberikan di bawah

subseksyen (1)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (5), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu hendaklah dimulakan berkuat kuasa;
- (c) tertakluk pada subseksyen (3), hendaklah diberikan berkenaan dengan aktiviti pengilangan dalam aktiviti pertanian bersepadu bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam masa tempoh lima tahun yang satu lagi dari tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri, iaitu tarikh dalam atau selepas tempoh yang disebutkan dalam perenggan (2)(b); dan
- (d) hendaklah, dalam hal penyerahan balik kelulusan di bawah subseksyen 27(4), diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dari tarikh yang kelulusan itu hendak dimulakan berkuat kuasa sehingga tarikh penyerahan balik:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu hendaklah mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan sebagai dilakukan dalam tempoh asas yang ia mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 27 dan jika kelulusan di bawah seksyen 27 diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh permohonan itu dibuat, elaun di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk pada subseksyen (5), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan

itu.

(3) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 berkenaan dengan aktiviti pertanian bersepadu, syarikat itu hendaklah, dalam masa enam tahun dari tarikh kelulusan itu, memberi kepada Menteri apa-apa butir sebagaimana yang ditetapkan bagi maksud menentukan tarikh di bawah perenggan (2)(c).

(4) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan larasan syarikat itu daripada perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun itu yang sama banyak dengan amaun elaun (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu.

(5) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan larasan sesuatu syarikat daripada perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau suatu keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun peruntukan subseksyen (1), (2) dan (4), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya bagi tempoh asas yang baginya terdapat pendapatan larasan daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(6) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (4), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(7) Bagi maksud seksyen ini, dan tertakluk pada subseksyen (8), “perbelanjaan modal”—

(a) berhubung dengan pengilangan, ertinya perbelanjaan modal

yang dilakukan ke atas kilang atau apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan;

- (b) berhubung dengan pertanian, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan—
- (i) membersihkan dan menyiapsediakan tanah;
 - (ii) menanam tanaman;
 - (iii) mengadakan sistem pengairan atau sistem saliran;
 - (iv) mengadakan loji dan jentera yang digunakan di Malaysia bagi maksud penanaman tanaman, ternakan binatang, akuakultur, penangkapan ikan di pedalaman atau di laut dalam dan kerja pertanian atau ternakan lain;
 - (v) pembinaan jalan akses termasuk jambatan; dan
 - (vi) pembinaan atau pembelian bangunan (termasuklah bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang) dan perbaikan pada struktur di atas tanah atau struktur lain yang digunakan bagi maksud penanaman tanaman, ternakan binatang, akuakultur, penangkapan ikan di pedalaman dan kerja pertanian atau ternakan lain:

Dengan syarat bahawa bagi maksud subperenggan (e) dan (f), jalan, jambatan, bangunan, perbaikan pada struktur di atas tanah dan struktur lain di atas tanah yang menjadi sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi maksud penanaman tanaman, ternakan binatang, akuakultur, penangkapan ikan di pedalaman dan kerja pertanian atau ternakan lain;

- (c) berhubung dengan perniagaan hotel, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan atas pembelian suatu bangunan atau pembinaan suatu bangunan hotel daripada standard diluluskan di Malaysia, termasuklah apa-apa perubahan, tambahan dan tokok tambah atau mengadakan loji dan

jentera atau kemudahan lain yang digunakan berkaitan dengan perniagaan hotel;

(d) berhubung dengan projek pelancongan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan suatu projek pelancongan di Malaysia dan termasuk perbelanjaan modal atas—

(i) pembersihan tanah bagi maksud sesuatu projek pelancongan;

(ii) penanaman pokok dan tumbuh-tumbuhan;

(iii) pembinaan jalan dan kemudahan infrastruktur lain dengan syarat ia di atas tanah yang menjadi sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi maksud sesuatu projek pelancongan;

(iv) mengadakan pameran burung, binatang dan pameran lain;

(v) mengadakan loji dan jentera;

(vi) mengadakan bangunan (termasuklah bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang), perbaikan pada struktur di atas tanah dan struktur lain di atas tanah yang menjadi sebahagian daripada tanah yang digunakan bagi maksud sesuatu projek pelancongan;

(e) berhubung dengan perkhidmatan berkaitan perkilangan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas mana-mana aset yang digunakan di Malaysia berhubung dengan dan bagi maksud perkhidmatan yang digalakkan itu sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(8) Bagi maksud seksyen ini, perbelanjaan modal tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal, loji dan jentera di mana bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk

kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

(9) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 sebelum 1 November 1991; dan
- (b) suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 pada atau selepas 1 November 1991 tetapi permohonannya di bawah seksyen 26 telah diterima sebelum 1 November 1991.

(10) Walau apa pun perenggan (9)(a) dan (b), subseksyen 29(7) dan (8) hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang permohonannya di bawah seksyen 26 diterima pada atau selepas 1 November 1991.

Elaun cukai pelaburan berkenaan dengan permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991

29A. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan menurut suatu permohonan yang diterima pada atau selepas 1 November 1991 selain syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27A.

(2) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu, hendaklah diberikan kepada syarikat bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (6), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;

- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa;
- (c) tertakluk pada subseksyen (4), hendaklah diberikan berkenaan dengan aktiviti pengilangan dalam aktiviti pertanian bersepadu bagi apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh lima tahun yang satu lagi dari tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri, iaitu tarikh dalam atau selepas tempoh yang disebutkan dalam perenggan (3)(b); dan
- (d) hendaklah, dalam hal penyerahan balik kelulusan di bawah subseksyen 27(4), diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dari tarikh yang diluluskan itu akan mula berkuat kuasa sehingga tarikh penyerahan balik:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (3)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankan berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah subseksyen 26(1) dan jika kelulusan di bawah seksyen 27 diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh permohonan itu dibuat, elau di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk pada subseksyen (6), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan itu.

(4) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27 berkenaan dengan aktiviti pertanian bersepadu, syarikat itu hendaklah, dalam masa enam tahun dari tarikh kelulusan itu, memberi

kepada Menteri apa-apa butir yang ditetapkan bagi maksud menentukan tarikh di bawah perenggan (3)(c).

(5) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (2) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori daripada perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(6) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (2), (3) dan (5), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(7) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (5), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(8) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (9), istilah “perbelanjaan modal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 29(7) dan hendaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan aset yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(9) Walau apa pun subseksyen (8), “perbelanjaan modal” tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi anggota pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah subseksyen 26(1) yang telah diluluskan di bawah subseksyen 27(1A) bagi syarikat kecil

29AA. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah subseksyen 27(1A) dengan syarat bahawa permohonan itu diterima pada atau selepas 21 Mei 2003.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 27(1A) telah—

- (a) melakukan perbelanjaan modal dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu; dan
- (b) memenuhi apa-apa kriteria yang ditetapkan dalam suatu perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*,

syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (5), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat itu melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (3)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankan berkenaan dengan suatu aktiviti dan syarikat itu telah memenuhi kriteria itu sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2)(b), perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah subseksyen 26(1) dan kelulusan di bawah subseksyen 27(1A), elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari tarikh permohonan itu diterima oleh Menteri tetapi tarikh ke belakang itu tidak boleh lebih awal daripada 21 Mei 2003.

(4) Jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen (2) bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu.

(5) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau elaun-elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (2), (3) dan (4), sekian banyak daripada elaun atau elaun-elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehinggalah syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun atau elaun-elaun yang ia berhak mendapatnya.

(6) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (4), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(7) Subseksyen 29(7) dan (8) yang berhubungan dengan perbelanjaan modal hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26A yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A

29B. (1) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27A telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan suatu keluaran yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu atau pengeluaran keluaran itu, hendaklah diberikan kepada syarikat bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (4) dan (5), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang diluluskan itu akan mula berkuat kuasa berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti atau mengeluarkan keluaran itu, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan

itu; dan

- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26A dan jika kelulusan di bawah seksyen 27A diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh permohonan itu dibuat, elaun di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk pada subseksyen (4), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan itu.

(2A) Walau apa pun subseksyen (2), perbelanjaan yang dilakukan sebelum pemberian kelulusan berdasarkan kepada suatu permohonan yang dibuat di bawah proviso kepada subseksyen 26A(1) tidak boleh disifatkan sebagai telah dilakukan dalam tempoh asas kelulusan itu mula berkuat kuasa sama ada atau tidak aset yang diperoleh daripada perbelanjaan itu kemudiannya dimiliki oleh syarikat yang sama atau suatu entiti baharu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan aktiviti atau mengeluarkan keluaran itu yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu.

(4) Tertakluk pada subseksyen (5) jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan aktiviti atau mengeluarkan keluaran itu yang disifatkan di bawah seksyen 4A sebagai suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran

pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika sesuatu syarikat gagal mematuhi apa-apa terma atau syarat di bawah seksyen 27A di akhir lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa, subseksyen (4) tidak terpakai bagi elaun yang pelaksanaannya tidak diberikan di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran yang tempoh asasnya termasuk hari terakhir tempoh itu di bawah perenggan (2)(b).

(6) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(7) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (8), istilah “perbelanjaan modal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 29(7) dan hendaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan aset yang ditentukan oleh Menteri dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan melalui perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), “perbelanjaan modal” tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan mengenai bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

29C. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26C yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27C

29D. (1) Jika sesuatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27C telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan perbelanjaan

modal bagi maksud aktiviti itu, hendaklah diberikan kepada syarikat itu bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankan berkeenaan dengan suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa

pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (7), “perbelanjaan modal”—

- (a) berhubung dengan penyelidikan berasaskan pengilangan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kilang atau apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan; dan
- (b) berhubung dengan penyelidikan berasaskan pertanian, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan—
 - (i) membersihkan dan menyiapsediakan tanah;
 - (ii) menanam tanaman percubaan;
 - (iii) mengadakan sistem pengairan atau sistem saliran;
 - (iv) mengadakan loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan;
 - (v) pembinaan jalan akses termasuk jambatan; dan
 - (vi) pembinaan atau pembelian bangunan (tidak termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang) dan perbaikan pada struktur di atas tanah bagi maksud aktiviti yang

berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), “perbelanjaan modal” tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan mengenai bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26D yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27D

29E. (1) Jika sesuatu syarikat penyelidikan dan kemajuan yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27D telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, hendaklah diberikan kepada syarikat itu bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dan kemajuan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan

dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu; dan

- (ii) jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26D dan jika kelulusan di bawah seksyen 27D diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang lebih awal dari tarikh permohonan itu dibuat, elaun di bawah seksyen ini berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah diberikan, tertakluk pada subseksyen (4), hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu diberitahu tentang kelulusan permohonan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubungan dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (7), “perbelanjaan modal”—

- (a) berhubung dengan penyelidikan berasaskan pengilangan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kilang atau apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan; dan
- (b) berhubung dengan penyelidikan berasaskan pertanian, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan—
 - (i) membersihkan dan menyiapsediakan tanah;
 - (ii) menanam tanaman percubaan;
 - (iii) mengadakan sistem pengairan atau sistem saliran;
 - (iv) mengadakan loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan;
 - (v) pembinaan jalan akses termasuk jambatan; dan
 - (vi) pembinaan atau pembelian bangunan (tidak termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang) dan perbaikan pada struktur di atas tanah bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), “perbelanjaan modal” tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan mengenai bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan

perkeranian.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26E yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27E

29F. (1) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27E telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, hendaklah diberikan kepada syarikat itu bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan itu:

Dengan syarat bahawa bagi maksud subseksyen ini, “perbelanjaan modal” tidak termasuk—

- (a) perbelanjaan modal sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 29(7), 29A(8), 29B(7), 29C(7), 29D(6), 29E(6), 29G(6) atau 31E(6);
- (b) perbelanjaan modal bagi maksud Jadual 7A Akta ibu; dan
- (c) perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas loji atau jentera yang digunakan secara langsung atau secara tidak langsung bagi maksud penstoran, pengolahan atau pelupusan buangan terjadual sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh sepuluh tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan

modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankan berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (7), “perbelanjaan modal”—

- (a) berhubung dengan penyelidikan berasaskan pengilangan, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kilang atau apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat; dan
- (b) berhubung dengan penyelidikan berasaskan pertanian, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan—
 - (i) membersihkan dan menyiapsediakan tanah;
 - (ii) menanam tanaman percubaan;
 - (iii) mengadakan sistem pengairan atau sistem saliran;
 - (iv) mengadakan loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubung dengan penyelidikan dalam syarikat;
 - (v) pembinaan jalan akses termasuk jambatan; dan
 - (vi) pembinaan atau pembelian bangunan (tidak termasuk bangunan yang disediakan untuk kebajikan orang atau sebagai tempat tinggal untuk orang) dan perbaikan pada struktur di atas tanah bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), “perbelanjaan modal” tidaklah termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan mengenai bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera, itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26F yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27F

29G. (1) Jika sesuatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27F telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun

taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memuncul atau berkenaan dengan suatu syarikat yang menubuhkan suatu makmal pengujian peranti perubatan atau menaik taraf suatu makmal pengujian peranti perubatan yang sedia ada di Malaysia atau berkenaan dengan perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu, hendaklah diberikan kepada syarikat itu bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankan berkeñaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memuncul atau berkenaan dengan suatu syarikat yang menubuhkan suatu makmal pengujian peranti perubatan atau menaik taraf suatu makmal pengujian peranti perubatan yang sedia ada di Malaysia atau berkenaan dengan perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu.

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori

perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(6) Subseksyen 29(7) dan (8) yang berhubungan dengan perbelanjaan modal hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26G yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27G

29H. (1) Jika sesuatu syarikat latihan teknikal atau vokasional yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 27G(1) telah melakukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, hendaklah diberikan kepada syarikat itu bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(1A) Jika suatu institusi pengajian tinggi swasta yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 27G(2) telah melakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, berkenaan dengan aktiviti yang berhubungan dengan kursus sains kelayakan, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, institusi itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2) Elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (1) atau (1A)—

- (a) tertakluk pada subseksyen (4), hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan;
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(b) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional, atau kursus sains kelayakan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya ia mula menjalankan perniagaan itu.

(3) Jika sesuatu elaun diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) atau (1A) bagi sesuatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional, atau kursus sains kelayakan bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan sedemikian tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan latihan teknikal atau vokasional atau kursus sains kelayakan bagi suatu tahun taksiran, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun yang syarikat itu berhak mendapatnya di bawah seksyen ini bagi tahun itu berhubung dengan sumber yang terdiri daripada perniagaan itu, maka, walau apa pun subseksyen (1), (1A), (2) dan (3), sekian banyak daripada elaun yang berkenaan yang tidak boleh

diberikan bagi tahun itu hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberikan kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya yang baginya terdapat pendapatan statutori daripada perniagaan itu, dan seterusnya bagi tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima keseluruhan elaun yang ia berhak mendapatnya sedemikian itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan daripada cukai menurut kuasa subseksyen (3), seksyen 23 hendaklah terpakai bagi pendapatan itu (dengan apa-apa ubah suaian yang perlu) sebagaimana yang ia terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah seksyen 22A.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (7) “perbelanjaan modal”, berhubung dengan latihan teknikal atau vokasional, atau kursus sains kelayakan ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan atau ke atas apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti yang berhubungan dengan latihan atau kursus, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Walau apa pun subseksyen (6), “perbelanjaan modal” tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah atau orang perseorangan yang menjadi anggota pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

29I. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26I yang telah diluluskan di bawah seksyen 27I

29J. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27I dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas suatu tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4D.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 27I(1) telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran

digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(2A) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah subseksyen 271(1A) telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan penjana tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri, perbelanjaan modal bagi maksud itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankan berkecuali dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 261 dan kelulusan di bawah seksyen 271, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4D.

(3A) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah

subseksyen (2A)—

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26I dan kelulusan di bawah seksyen 27I, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari tarikh aktiviti atau keluaran itu ditetapkan oleh Menteri sebagai aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan di bawah seksyen 4D.

(4) Subseksyen 29AA(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26J yang telah diluluskan di bawah seksyen 27J

29K. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27J dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas suatu tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4E.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27J telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti digalakkan atau

keluaran digalakkan itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankan berkeenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26J dan kelulusan di bawah seksyen 27J, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan di bawah seksyen 4E.

(4) Subseksyen 29AA(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26K yang telah diluluskan di bawah seksyen 27K

29L. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27K dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas suatu tarikh ditetapkan dalam perintah statutori yang disiarkan dalam

Warta di bawah seksyen 4F.

(2) Berhubung dengan suatu syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak, dan syarikat penyelidikan dan kemajuan yang mengusahakan pelaburan semula, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu:

(a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—

- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

(b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dan kemajuan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29D(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(3) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam suatu aktiviti yang berkaitan penyelidikan dalam syarikat, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak lima puluh peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu:

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—
- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa sepuluh tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan suatu syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti yang berhubungan dengan penyelidikan dalam syarikat bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan

statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29F(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(4) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula bagi menghasilkan keluaran nilai ditambah menggunakan biojisim kelapa sawit, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu—

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—

- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti menghasilkan keluaran nilai tambah menggunakan biojisim kelapa sawit, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29B(4), (5), (6), (7) dan (8) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(5) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam aktiviti perniagaan hotel dan projek pelancongan, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu—

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—
- (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (A) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
 - (B) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah subseksyen 26K(1) dan kelulusan di bawah subseksyen 27K(2), elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada 13 September 2003;
- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu

berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29A(6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

(6) Berhubung dengan suatu syarikat yang mengusahakan pelaburan semula dalam aktiviti atau keluaran selain yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3), (4) dan (5), syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan modal tambahan itu—

- (a) suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen ini—
 - (i) hendaklah diberikan hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
 - (ii) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu akan mula berkuat kuasa yang disebut dalam subperenggan (ii) berhubung dengan suatu perniagaan yang hampir hendak dijalankannya berkenaan dengan suatu aktiviti atau produk selain yang dinyatakan di dalam subseksyen (2), (3), (4) dan (5), perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu;

- (b) jika suatu elaun diberikan kepada suatu syarikat di bawah subseksyen ini bagi suatu tahun taksiran, sekian banyak daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang sama banyak dengan amaun elaun itu (atau dengan amaun agregat apa-apa elaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan) hendaklah dikecualikan daripada cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran itu:

Dengan syarat bahawa amaun yang dikecualikan itu tidak boleh melebihi tujuh puluh peratus daripada pendapatan statutori perniagaan syarikat itu bagi tahun taksiran itu; dan

- (c) subseksyen 29A(6), (7), (8) dan (9) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

29M. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

Elaun cukai pelaburan bagi permohonan di bawah seksyen 26M yang telah diluluskan di bawah seksyen 27M

29N. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27M dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 11 September 2004.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27M telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan keluaran makanan halal, perbelanjaan modal bagi maksud keluaran itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2)—

- (a) hendaklah diberikan hanya dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang baginya perbelanjaan itu telah dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang

dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa—

- (i) jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh kelulusan itu mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankan berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu; dan
- (ii) jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal sebelum permohonannya di bawah seksyen 26M dan kelulusan di bawah seksyen 27M, elaun itu diberi kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 11 September 2004.

(4) Subseksyen 29AA(4), (5), (6) dan (7) hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi maksud seksyen ini.

Elaun cukai pelaburan bagi pemohonan di bawah seksyen 26N yang telah diluluskan di bawah seksyen 27N

29o. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi maksud elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 27N dengan syarat permohonan itu diterima pada atau selepas 1 Oktober 2005.

(2) Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27N telah melakukan, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan penjimatan penggunaan tenaga bagi kegunaan sendiri, perbelanjaan modal bagi maksud aktiviti itu, syarikat itu hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu suatu elaun cukai pelaburan sebanyak enam puluh peratus daripada perbelanjaan itu.

(2A) Walau apa pun subseksyen (2), bagi suatu permohonan yang diterima dari 8 September 2007 hingga 31 Disember 2015, syarikat itu

hendaklah diberikan bagi tahun taksiran itu elaun cukai pelaburan sebanyak satu ratus peratus daripada perbelanjaan itu.

(3) Suatu elaun bagi perbelanjaan yang diberikan di bawah subseksyen (2) atau (2A)—

- (a) hendaklah diberikan hanya dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu yang baginya perbelanjaan itu dilakukan; dan
- (b) hendaklah diberikan berkenaan dengan perbelanjaan yang dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh yang kelulusan itu hendaklah mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa jika suatu syarikat melakukan perbelanjaan modal dari tarikh yang kelulusan itu hendaklah mula berkuat kuasa yang disebut dalam perenggan (b) berhubung dengan suatu perniagaan yang akan dijalankan olehnya berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan, perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas yang dalamnya syarikat itu mula menjalankan perniagaan itu dan jika syarikat itu melakukan perbelanjaan modal—

- (i) sebelum permohonannya di bawah seksyen 26N dan kelulusan di bawah perenggan (a) proviso kepada subseksyen 27N(1), elaun itu diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 1 Oktober 2005; atau
- (ii) sebelum permohonannya di bawah seksyen 26N dan kelulusan di bawah perenggan (aa) proviso kepada subseksyen 27N(1), elaun itu diberikan dengan kuat kuasa ke belakang dari suatu tarikh yang tidak lebih awal dari 8 September 2007.

(4) Bagi maksud seksyen ini dan tertakluk pada subseksyen (5), istilah “perbelanjaan modal”, berhubung dengan suatu syarikat yang menjimatkan tenaga untuk kegunaan sendiri, ertinya perbelanjaan modal yang dilakukan atas loji dan jentera yang digunakan berkaitan dengan dan bagi maksud aktiviti itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), “perbelanjaan modal” tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan bangunan (yang digunakan sebagai tempat tinggal bagi orang), loji dan jentera jika bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan seseorang pengarah atau individu yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.

(6) Bagi maksud subseksyen (2) dan subperenggan (3)(b)(i) proviso, subseksyen 29A(5), (6) dan (7) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

(7) Bagi maksud subseksyen (2A) dan subperenggan (3)(b)(ii) proviso, subseksyen 29AA(4), (5) dan (6) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

29P. (Dipotong oleh Akta A1400).

Penentuan perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang tertakluk pada cukai barang dan perkhidmatan bagi elaun cukai pelaburan

29Q. Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27I, 27J, 27K, 27M atau 27N telah melakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan bagi tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan 29(2)(b), (c) atau (d), perenggan 29A(3)(b), (c) atau (d), perenggan 29AA(3)(b), 29B(2)(b), 29D(2)(b), 29E(2)(b), 29F(2)(b), 29G(2)(b), 29H(2)(b), 29J(2)(b), 29K(2)(b), subperenggan 29L(2)(a)(ii), 29L(3)(a)(ii), 29L(4)(a)(ii), 29L(5)(a)(ii), 29L(6)(a)(ii), perenggan 29N(3)(b) atau 29O(3)(b), perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat hendaklah tidak termasuk apa-apa amaun yang telah dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh syarikat itu sekiranya syarikat itu bertanggung untuk berdaftar di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal berbuat demikian, atau sekiranya syarikat itu layak untuk mengkredit amaun itu sebagai cukai input di bawah Akta itu.

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [Akta 805]—lihat seksyen 3 Akta 805.

Pelarasan perbelanjaan modal yang dilakukan yang tertakluk pada cukai barang dan perkhidmatan

29R. (1) Jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu syarikat telah melakukan perbelanjaan modal di bawah Akta ini dan perbelanjaan modal itu tertakluk pada apa-apa pelarasan yang dibuat berkenaan dengan cukai input bagi suatu tempoh yang dinyatakan di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun perbelanjaan itu bagi aset itu hendaklah dilaraskan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubungan dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat.

(2) Dalam keadaan pelarasan bagi amaun perbelanjaan modal yang dibuat di bawah subseksyen (1) menghasilkan—

- (a) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan menjadi sebahagian perbelanjaan modal yang dilakukan bagi maksud Akta ini, dan tertakluk pada seksyen 29, 29B, 29C, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H, 29J, 29K, 29L dan 29O, hendaklah diberi kepada syarikat itu bagi suatu tahun taksiran suatu elaun berkenaan dengan amaun tambahan itu; atau
- (b) suatu amaun yang dikurangkan, apa-apa amaun elaun yang tidak sepatutnya diberi di bawah Akta ini berbangkit daripada pengurangan itu hendaklah menjadi sebahagian daripada pendapatan statutori syarikat itu daripada suatu sumber yang terdiri daripada perniagaan dalam tempoh asas pelarasan itu dibuat.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika suatu syarikat telah melakukan perbelanjaan modal berhubung dengan suatu aset, dan aset itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh pelarasan yang dinyatakan di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, pelarasan kepada perbelanjaan itu hendaklah dibuat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pelupusan itu dibuat.

(4) Jika suatu pelarasan dibuat berkenaan dengan cukai input di bawah *Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Ketua Pengarah

*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 [Akta 805]—lihat seksyen 3 Akta 805.

boleh membuat suatu pengiraan atau pengiraan semula apa-apa elaun yang dibuat di bawah Akta ini atau amaun pendapatan statutori suatu syarikat bagi suatu tahun taksiran mengikut kaedah yang serupa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pelarasan itu dibuat atau pada bila-bila masa sebagaimana perlu untuk memberi kesan kepada pelarasan itu.

30. *(Dipotong oleh Akta A1468).*

Penarikan balik elaun cukai pelaburan berhubung dengan aset yang dilupuskan

30A. (1) Bagi maksud Bab 2 Bahagian II, jika perbelanjaan modal dilakukan bagi pemerolehan apa-apa aset dan aset itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun dari tarikh pemerolehan aset itu, elaun cukai pelaburan bagi perbelanjaan modal itu yang sepatutnya syarikat itu layak diterima, hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “aset” ertinya sesuatu kilang, loji, jentera atau bangunan yang disebut dalam takrif perbelanjaan modal dalam subseksyen 29(7), 29A(8), 29AA(7), 29B(7), 29D(6), 29E(6), 29F(6), 29G(6), 29H(6), 29J(4), 29K(4), perenggan 29L(2)(c), 29L(3)(c), 29L(4)(c), 29L(5)(c), 29L(6)(c), subseksyen 29N(4) dan 29O(4).

Erti syarikat berhubung dengan pertanian

31. Bagi maksud Bab ini, dalam hal permohonan untuk kelulusan mengenai elaun cukai pelaburan berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan berhubung dengan pertanian, “syarikat” termasuklah koperasi berasaskan pertanian, Persatuan Peladang Kawasan, Persatuan Peladang Persekutuan, Persatuan Peladang Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Persekutuan, Persatuan Nelayan Negeri dan ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau persatuan yang semata-matanya melibatkan diri dalam pertanian:

Dengan syarat bahawa seksyen 23 hanya terpakai bagi sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Bab 2A—Elaun Pelarasan Perindustrian

31A–31E. (*Dipotong oleh Akta A1318*).

Bab 3—Pengurangan Pendapatan Larasan

32–33. (*Dipotong oleh Akta A1318*).

33A. (*Dipotong oleh Akta A862*).

34–35. (*Dipotong oleh Akta A1318*).

Bab 4—Pengurangan Pendapatan Statutori untuk Eksport

36–38. (*Dipotong oleh Akta A1318*).

Bab 5—Elaun Eksport

39–40A. (*Dipotong oleh Akta A1318*).

Bab 6—Potongan bagi Penggalakan Eksport

Potongan bagi penggalakan eksport

41. (1) Menteri Kewangan boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan potongan berkenaan dengan belanja pasti dan perbelanjaan yang dilakukan bagi penggalakan eksport dari Malaysia.

(2) Kaedah-kaedah daripada jenis yang disebutkan dalam subseksyen (1) boleh memasukkan peruntukan menetapkan—

- (a) jenis belanja pasti dan perbelanjaan yang dimaksudkan oleh kaedah-kaedah itu;
- (b) syarat membenarkan potongan yang dimaksudkan oleh kaedah-kaedah itu; dan
- (c) nisbah yang akan dipakai, bagi maksud menentukan mana-mana potongan itu, kepada amaun belanja pasti dan

perbelanjaan itu.

(3) Kaedah-kaedah yang terkandung dalam Jadual hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah seksyen ini dan boleh dipinda atau dibatalkan sewajarnya.

(4) Kecuali berkenaan dengan kaedah-kaedah yang terkandung dalam Jadual, seksyen 149 dan subseksyen 154(2) Akta ibu hendaklah terpakai bagi mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini.

Bab 7—Elaun Infrastruktur

41A–41H. (*Dipotong oleh Akta A1468*).

BAHAGIAN III

TAMBAHAN

Kuasa memasuki, dsb.

42. (1) Mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri atau Menteri Kewangan boleh pada setiap masa yang munasabah—

(a) mempunyai akses kepada—

(i) mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat atau yang digunakan untuk penstoran barang atau keluaran syarikat itu; dan

(ii) apa-apa rekod atau akaun syarikat,

bagi maksud menyemak pengeluaran, komposisi, penstoran atau pembungkusan mana-mana barang atau keluaran itu dan amnya bagi maksud memastikan pelaksanaan Akta ini; dan

(b) mengambil sampel bagi mana-mana barang atau keluaran itu bagi apa-apa jua maksud sedemikian itu.

(2) Mana-mana orang yang menghalang seseorang pegawai awam

dalam menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan

43. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan—

- (a) tanpa menyentuh keluasan subseksyen 2(2), menetapkan apa-apa ubah suaian yang perlu dalam pemakaian Akta ini mengenai mana-mana industri tertentu yang bukannya suatu industri pengilangan;
- (b) menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan; dan
- (c) amnya untuk mempermudah penguatkuasaan Akta ini.

Akaun yang berasingan

43A. (1) Jika suatu syarikat telah diberikan suatu perakuan perintis di bawah seksyen 7 atau suatu kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F atau 27G, subseksyen 27I(1) atau seksyen 27J, 27K atau 27M, syarikat itu tidak boleh, sebelum berakhirnya tempoh pelepasan cukainya, atau tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 29(2)(b), (c) atau (d), 29A(3)(b), (c) atau (d), 29AA(3)(b), 29B(2)(b), 29D(2)(b), 29E(2)(b), 29F(2)(b), 29G(2)(b), 29H(2)(b), 29J(3)(b), 29K(3)(b), subperenggan 29L(2)(a)(ii), (3)(a)(ii), (4)(a)(ii), (5)(a)(ii), (6)(a)(ii) atau perenggan 29N(3)(b) menjalankan apa-apa perniagaan selain perniagaan yang keseluruhan pendapatan kasar itu diperoleh daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tanpa memberitahu Menteri.

(2) Jika sesuatu syarikat yang disebut dalam subseksyen (1) menjalankan perniagaan selain perniagaan yang keseluruhan pendapatan kasar itu diperoleh daripada aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkannya, syarikat itu hendaklah menyimpan akaun yang berasingan berkenaan dengan perniagaan itu.

(3) Mana-mana syarikat yang telah diberikan perakuan perintis di bawah seksyen 7 atau kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F atau 27G, subseksyen 27I(1) atau seksyen 27J, 27K atau 27M berkenaan dengan suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan atau suatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan tambahan hendaklah menyimpan akaun yang berasingan berkenaan dengan perniagaan itu yang berhubungan dengan aktiviti atau keluaran itu atau aktiviti tambahan atau keluaran tambahan itu.

Pemansuhan

44. Tertakluk pada peruntukan yang berikut, Akta Galakan Pelaburan 1968 [*Akta 199*] dengan ini dimansuhkan.

Kecualian

45. Tanpa mengira pemansuhannya, Akta Galakan Pelaburan 1968 (kemudian daripada ini disebut “undang-undang termansuh” dalam Akta ini) hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan terus terpakai bagi mana-mana syarikat bagi segala maksud dan dalam segala segi berhubung dengan mana-mana perakuan yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan kepada sesuatu syarikat di bawah undang-undang termansuh itu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini selagi ia masih sah dan berkuat kuasa, dan dengan demikian itu—

- (a) undang-undang termansuh itu hendaklah, berhubung dengannya itu, terpakai bagi syarikat itu bagi mana-mana tahun taksiran sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini; dan
- (b) jika untuk melaksanakan mana-mana perakuan atau kelulusan itu, perlu membuat apa-apa perundangan subsidiari di bawah undang-undang termansuh itu, pihak berkuasa yang mempunyai kuasa di bawahnya itu untuk membuat perundangan subsidiari boleh membuat perundangan subsidiari yang perlu itu.

46-47. (*Dipotong oleh Akta A656*).

Pemakaian Akta ini bagi tempoh pelepasan cukai

48. (1) Walau apa pun seksyen 45, jika tempoh pelepasan cukai sesuatu syarikat yang telah dikeluarkan perakuan perintis atau diberikan kelulusan di bawah seksyen 12A undang-undang termansuh belum lagi tamat pada 1 Januari 1986, syarikat itu boleh memohon kepada Menteri untuk mendapat kelulusan supaya Akta ini terpakai mengenai tempoh pelepasan cukainya.

(2) Jika Menteri memberikan kelulusan berkenaan dengan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), undang-undang termansuh yang berhubungan dengan tempoh pelepasan cukai syarikat itu hendaklah terhenti daripada terpakai dan Akta ini hendaklah terpakai berkenaan dengan tempoh pelepasan cukai syarikat itu:

Dengan syarat bahawa jumlahnya tempoh pelepasan cukai syarikat itu tidak boleh melebihi lima tahun dari hari pengeluarannya yang telah ditentukan di bawah undang-undang termansuh itu tetapi syarikat itu hendaklah, pada akhir tempoh pelepasan cukai itu dan tertakluk pada seksyen 14A, layak memohon untuk mendapatkan pelanjutan tempoh pelepasan cukai itu di bawah seksyen 14A.

Perbelanjaan modal yang dikenakan ke atas loji dan jentera dalam perniagaan hotel

49. (1) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 30KA undang-undang termansuh dan telah melakukan perbelanjaan modal pada atau selepas 1 Januari 1986 ke atas loji dan jentera atau kemudahan lain yang digunakan berkaitan dengan perniagaan hotel, syarikat itu boleh memohon kepada Menteri untuk kelulusan supaya subperenggan 29(7)(c) Akta ini terpakai bagi perbelanjaan modal itu berhubung dengan perniagaan hotel:

Dengan syarat bahawa perbelanjaan modal itu dilakukan dalam masa lima tahun dari tarikh kelulusan diberikan di bawah seksyen 30KA undang-undang termansuh.

(2) Jika Menteri memberikan kelulusan berkenaan dengan sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1), subperenggan 29(7)(c) Akta ini hendaklah terpakai bagi perbelanjaan itu.

Permohonan untuk mendapatkan galakan daripada jenis yang serupa itu

50. (1) Jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan berkenaan dengan sesuatu galakan di bawah seksyen 5, 12A, 12B, 26, 30KA atau 30Q undang-undang termansuh tetapi pada 1 Januari 1986 atau pada bila-bila masa selepas itu tempoh pelepasan cukainya belum lagi bermula atau syarikat itu belum lagi melakukan perbelanjaan modal bagi maksud seksyen 26, 30KA atau 30Q undang-undang termansuh, syarikat itu boleh memohon untuk suatu galakan di bawah Akta ini jika galakan yang dipohonkan itu pada matannya adalah daripada jenis yang serupa dengan galakan yang kelulusan telah diberikan di bawah undang-undang termansuh.

(2) Jika Menteri memberikan kelulusan berkenaan dengan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), kelulusan yang diberikan di bawah undang-undang termansuh hendaklah disifatkan sebagai telah ditarik balik.

Permohonan untuk mendapatkan elaun cukai pelaburan oleh syarikat yang telah diberikan galakan di bawah undang-undang termansuh

50A. Syarikat yang telah diberikan galakan di bawah undang-undang termansuh itu hanya layak memohon mendapatkan elaun cukai pelaburan di bawah seksyen 26 berkenaan dengan sesuatu aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan selain aktiviti atau keluaran yang baginya galakan telah diberikan di bawah undang-undang termansuh itu.

Kelayakan syarikat di bawah undang-undang termansuh untuk mendapat elaun pelarasan perindustrian

50AA. Sesuatu syarikat yang telah diberikan galakan atau kredit cukai pelaburan di bawah undang-undang termansuh hanya layak memohon untuk mendapatkan elaun pelarasan perindustrian berkenaan dengan sesuatu aktiviti pengilangan atau keluaran terkilang selain aktiviti atau keluaran yang baginya galakan telah diberikan di bawah undang-undang termansuh itu atau berkenaan dengan perbelanjaan modal selain perbelanjaan modal yang baginya kredit cukai pelaburan telah

diberikan di bawah undang-undang termansuh itu:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu syarikat yang telah diberi galakan atau kredit cukai pelaburan di bawah undang-undang termansuh itu menjalankan aktiviti yang sama atau mengilang keluaran yang sama selepas akhir tempoh yang baginya galakan atau kredit cukai pelaburan itu diberikan, syarikat itu boleh memohon untuk mendapatkan elaun pelarasan perindustrian hanya berkenaan dengan perbelanjaan modal berhubung dengan aktiviti atau keluaran itu yang dilakukan oleh syarikat itu selepas akhir tempoh yang baginya galakan atau kredit cukai pelaburan itu telah diberikan.

Kelayakan syarikat di bawah undang-undang termansuh untuk mendapatkan pengurangan pendapatan larasan atau elaun eksport

50B. (1) Jika sesuatu syarikat telah diberikan galakan di bawah seksyen 5, 12A atau 12B undang-undang termansuh itu, syarikat itu layak mendapat pengurangan pendapatan larasan atau pendapatan statutori, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 32, 33, 34 atau 36 atau mendapat elaun eksport di bawah seksyen 39 pada akhir tempoh pelepasan cukainya di bawah undang-undang termansuh itu.

(2) Tertakluk pada subseksyen (3) dan (4), jika sesuatu syarikat telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 26 atau 30P undang-undang termansuh itu, syarikat itu layak mendapat pengurangan pendapatan larasan atau pendapatan statutori, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 32, 33, 34 atau 36 atau mendapat elaun eksport di bawah seksyen 39 pada akhir tempoh lima tahun yang dinyatakan dalam perenggan 26(3)(b) atau 30Q(2)(b) undang-undang termansuh itu.

(3) Syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 26 atau 30P undang-undang termansuh itu boleh, pada bila-bila masa di sepanjang tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 26(3)(b) atau 30Q(2)(b) undang-undang itu, menyerahkan balik kelulusan itu dengan memberi notis bertulis kepada Menteri, dan jika Menteri berpuas hati dengan sebab penyerahan balik kelulusan itu, atau bahawa syarikat itu telah mematuhi terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 26(7) atau seksyen 30P mana-mana peruntukan lain

undang-undang termansuh itu, penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan oleh Menteri dalam notis yang meluluskan penyerahan balik itu dan tarikh itu tidak boleh lebih awal dari tarikh notis itu diterima oleh Menteri:

Dengan syarat bahawa berkenaan dengan notis penyerahan balik yang diterima oleh Menteri pada atau selepas 1 Januari 1986 dan pada atau sebelum 31 Mac 1987 dan apabila Menteri berpuas hati sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen ini, Menteri boleh, apabila meluluskan penyerahan balik itu, menyatakan suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada 1 Januari 1986 sebagai tarikh penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa.

(4) Jika sesuatu syarikat—

- (a) menyerahkan balik kelulusan yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 26 atau 30P undang-undang termansuh itu; dan
- (b) penyerahan balik itu menjadi berkesan mengikut subseksyen (3),

syarikat itu hendaklah, mulai dari hari yang berikutan dengan tarikh penyerahan balik itu, layak mendapat pengurangan pendapatan larasan atau pendapatan statutori, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 32, 33, 34 atau 36 atau mendapat elaun eksport di bawah seksyen 39.

Permohonan di bawah undang-undang termansuh

51. (1) Jika permohonan dibuat di bawah undang-undang termansuh dan keputusannya masih ditunggu pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini—

- (a) pihak berkuasa tertakrif hendaklah menimbangkan permohonan itu mengikut peruntukan Akta ini jika terdapatnya peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini—
 - (i) bagi suatu permohonan seperti itu; atau
 - (ii) bagi suatu permohonan yang, pada pendapat pihak

berkuasa tertakrif, pada keseluruhannya sama sifatnya atau berkenaan dengan sesuatu perkara yang pada keseluruhannya sama jenisnya; atau

- (b) jika tidak ada peruntukan bersamaan dalam Akta ini atau jika pihak berkuasa tertakrif berpuas hati bahawa kerana apa-apa jua sebab tidak praktik untuk mempertimbangkan permohonan itu mengikut peruntukan Akta ini, permohonan itu hendaklah dipertimbangkan oleh pihak berkuasa tertakrif itu mengikut undang-undang termansuh itu.

(2) Jika kelulusan telah diberikan kepada suatu syarikat di bawah perenggan (1)(a), Akta ini hendaklah terpakai bagi syarat itu bagi segala maksud dan dalam segala segi berhubung dengan pemberian itu:

Dengan syarat bahawa jika kelulusan yang telah diberikan kepada suatu syarikat itu hendak dimula kuat kuasanya dari suatu tarikh sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, Akta ini hendaklah disifatkan terpakai bagi pemberian itu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam pemberian itu walaupun tarikh itu adalah lebih awal daripada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Jika kelulusan telah diberikan kepada suatu syarikat di bawah perenggan (1)(b), undang-undang termansuh itu hendaklah terus terpakai bagi syarikat itu bagi segala maksud dan dalam segala segi berhubung dengan pemberian itu sehingga tamat tempohnya atau sehingga ia terhenti daripada berkuat kuasa.

Persetujuan Menteri Kewangan

52. Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 48, 49 dan 50, Menteri hendaklah bertindak dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Pemakaian seksyen 27 dan 29 undang-undang termansuh

53. (1) Jika suatu syarikat telah melakukan apa-apa belanja pasti atau perbelanjaan diluluskan sebelum 1 Januari 1986 berkaitan dengan penggalakan eksport dari Malaysia, seksyen 27 undang-undang termansuh itu hendaklah, tanpa mengira pemansuhan itu, terpakai bagi belanja pasti dan perbelanjaan diluluskan itu.

(2) Jika suatu syarikat mengeksport keluaran yang dikilang di Malaysia sebelum 1 Januari 1986, seksyen 29 undang-undang termansuh itu hendaklah, tanpa mengira pemansuhan itu, terpakai berkenaan dengan keluaran itu.

Fungsi pegawai awam

54. Bagi maksud seksyen 45 hingga 50 dan 53, mana-mana fungsi seseorang pegawai awam di bawah undang-undang termansuh boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai awam yang disebut dalam seksyen 42 Akta ini atau seksyen 134 Akta ibu yang jawatannya pada keseluruhannya bersamaan dengan jawatan seseorang pegawai yang menurutnya fungsi itu telah dijalankan di bawah undang-undang itu.

Sebutan mengenai undang-undang termansuh

55. Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, sesuatu sebutan dalam undang-undang bertulis mengenai mana-mana peruntukan undang-undang termansuh hendaklah ditafsirkan berhubungan dengan tahun taksiran 1987 dan tahun taksiran yang kemudiannya sebagai sesuatu sebutan mengenai peruntukan (jika ada) yang bersamaan dalam Akta ini.

JADUAL

[Subseksyen 41(3)]

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENGALAKAN EKSPORT) 1986

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalian Eksport) 1986.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan belanja pasti dan perbelanjaan diluluskan yang dilakukan pada atau selepas 1 Januari 1986.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“belanja pasti dan perbelanjaan diluluskan” ertinya belanja pasti dan perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah kaedah 4.

Syarikat yang bermastautin di Malaysia berhak mendapat potongan

3. Tiap-tiap syarikat yang bermastautin di Malaysia bagi tahun asas bagi tahun taksiran layak mendapat potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun itu.

Potongan bagi belanja pasti dan perbelanjaan tertentu

4. (1) Tertakluk pada Kaedah-Kaedah ini, bagi maksud menentukan di bawah Akta ibu pendapatan larasan sesuatu syarikat daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi tahun taksiran, hendaklah dibenarkan sebagai potongan apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan daripada jenis yang diperihal dalam perenggan (2) yang—

- (a) telah dilakukan oleh syarikat itu di sepanjang tempoh asas itu berkenaan dengan perniagaan itu; dan
- (b) telah dilakukan terutamanya dan khususnya bagi maksud mencari peluang, atau mewujudkan atau menambah permintaan, berkenaan dengan pengeksporan barangan atau hasil pertanian yang dikilang, dikeluarkan, dipasang, diproses, dibungkus, diperingkat atau disisihkan di Malaysia.

(2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebut dalam perenggan (1) ialah—

- (a) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan publisiti dan iklan dalam mana-mana media di luar Malaysia;
- (b) perbelanjaan yang secara langsung berkaitan dengan mengadakan sampel tanpa dikenakan apa-apa bayaran kepada bakal pelanggan di luar Malaysia, termasuk kos penghantaran sampel itu;
- (c) perbelanjaan yang secara langsung berkaitan dengan menjalankan penyelidikan pasaran eksport atau mendapatkan maklumat pemasaran eksport;
- (d) perbelanjaan yang secara langsung berkaitan dengan menyediakan tender pembekalan barang atau hasil pertanian (iaitu bukannya barang atau hasil pertanian yang sama jenis dan spesifikasinya dengan yang lazim dikilang, dikeluarkan atau dikekalkan oleh syarikat itu) kepada bakal pelanggan di luar Malaysia;

- (e) perbelanjaan yang berupa tambang berkenaan dengan perjalanan seseorang wakil syarikat itu ke suatu negeri di luar Malaysia sebagai perjalanan yang perlu dilakukan bagi maksud berunding atau membuat kontrak untuk penjualan barang atau hasil pertanian bagi pihak syarikat atau bagi maksud mengambil bahagian dalam pesta dagangan atau dagangan atau pameran perindustrian yang diluluskan oleh Menteri, dan perbelanjaan yang sebenar, tertakluk pada maksimum sebanyak tiga ratus ringgit sehari, untuk penginapan dan maksimum sebanyak satu ratus lima puluh ringgit sehari untuk makanan bagi seluruh tempoh itu yang bermula dari masa wakil itu bertolak dari Malaysia dan berakhir dengan kembalinya wakil itu ke Malaysia;
- (f) perbelanjaan kerana memberi maklumat teknik kepada orang di luar Malaysia yang berhubungan pada amnya dengan barang atau hasil pertanian syarikat yang ditawarkan untuk jualan, tidak termasuk perbelanjaan kerana memberi maklumat teknik kepada pembeli selepas belian;
- (g) perbelanjaan yang secara langsung berkaitan dengan mengadakan pertunjukan bagi pesta dagangan atau pameran dagangan atau perindustrian yang diadakan di luar Malaysia dan yang diluluskan oleh Menteri;
- (h) perbelanjaan kerana perkhidmatan yang diberikan atas kerja perhubungan awam yang berkaitan dengan eksport;
- (i) perbelanjaan yang secara langsung dilakukan kerana mengambil bahagian dalam pesta dagangan atau dagangan atau pameran perindustrian yang diluluskan oleh Menteri selain perbelanjaan yang dinyatakan dalam subperenggan (e) dan (g);
- (j) perbelanjaan kerana kos menyenggara pejabat jualan di seberang laut bagi menggalakkan eksport dari Malaysia;
- (k) fi profesional yang dilakukan untuk reka bentuk bungkusan dengan syarat barang itu adalah bermutu eksport dan syarikat itu menggaji perkhidmatan profesional tempatan.

(3) Potongan yang dibenarkan di bawah kaedah ini sebagai tambahan kepada apa-apa potongan yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta ibu.

(4) Tiada apa-apa potongan boleh dibenarkan di bawah kaedah ini berkenaan dengan apa-apa belanja pasti, perbelanjaan atau bayaran lain daripada jenis yang disebutkan dalam subseksyen 39(1) Akta ibu.

(5) Jika amaun apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan, yang keseluruhannya boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini jika tidak kerana perenggan ini, melebihi amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah akan semunasabahnya dijangkakan sebagai dilakukan mengikut perjalanan biasa perniagaan yang berkenaan dengannya belanja pasti dan perbelanjaan itu telah

dilakukan, Ketua Pengarah boleh setakat yang berlebihan itu tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(6) Bagi maksud perenggan (1), jika dua tempoh asas bertindan, tempoh yang sama antara yang bertindan itu hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam tempoh asas yang pertama itu sahaja.

Syarikat perintis

5. Walau apa pun seksyen 21, jika sesuatu syarikat yang telah melakukan belanja pasti dan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah kaedah 4 suatu syarikat perintis—

- (a) bagi maksud menghitung pendapatannya bagi mana-mana tempoh perakaunan berkenaan dengan perniagaan perintisnya di bawah seksyen itu, tiada apa-apa potongan boleh dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini;
- (b) semua potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini yang jika tidak kerana perenggan (a) kena dibuat bagi maksud penghitungan pendapatannya daripada perniagaan perintisnya di bawah seksyen itu hendaklah dihindarkan, dan amaun agregatnya hendaklah dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi maksud menentukan pendapatannya daripada perniagaannya selepas perintis bagi tempoh asas pertama yang bersesuaian dengan perniagaan selepas-perintis itu bagi sesuatu tahun taksiran.

Ketidakpakaian Kaedah-Kaedah

6. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi mana-mana belanja pasti dan perbelanjaan yang disebutkan dalam kaedah 4 yang dilakukan berhubungan dengan pengeksportan mana-mana keluaran yang dikecualikan bagi maksud Bab 4 dan 5.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 327

AKTA PENGALAKAN PELABURAN 1986

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A656	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)1986	01-01-1986
Akta A715	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)1988	01-01-1989; tahun taksiran 1990 dan tahun taksiran yang berikutnya
Akta A751	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)1990	01-01-1989; s. 9, per.10(a), s. 13 hingga 17 dan s. 22; 01-01-1986 dan tahun taksiran 1987 dan tahun taksiran yang berikutnya; s. 11 dan 20; 01-01-1990 dan tahun taksiran 1991 dan tahun taksiran yang berikutnya; s. 4 hingga 7: 01-01- 1991dan tahun taksiran 1992 dan tahun yang kemudiannya
Akta 438	Akta Zon Bebas 1990	05-09-1991
Akta A862	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)1993	01-11-1991 dan tahun taksiran 1992 dan tahun taksiran yang berikutnya;per 2(a): 27-10-1990; per 2(d), 25(a), 25(c), subper. 25(b)(i), s.21, 23, 26 dan 27: tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
		berikutnya; s. 14 pada atau selepas 01-01- 1994; per. 17(a) dan 17(b): 01-01-1986 dan tahun taksiran 1987 dan tahun taksiran yang berikutnya; s.19, 20 dan 22: 01-01-1992
Akta A877	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)1994	01-01-1993 dan tahun taksiran 1994 dan tahun taksiran yang berikutnya kecuali s. 2: 10-12-1992
Akta A900	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)(No. 2) 1994	29-10-1993 dan tahun taksiran 1994 dan tahun taksiran yang berikutnya s. 4, 5, 7, 11, 12 dan 15: 20-10- 1994 dan s. 6 tahun taksiran 1991 dan tahun taksiran yang berikutnya
Akta 531	Akta Kewangan 1995	28-10-1994 dan tahun taksiran 1995 dan tahun taksiran yang berikutnya
Akta A993	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)1997	25-10-1996 dan tahun taksiran 1997 dan tahun taksiran yang berikutnya
P.U. (A) 170/2001	Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalaan Eksport) (Pindaan) 2001	01-01-2001
P.U. (A) 267/2003	Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalaan Eksport) (Pindaan) 2003	Mulai tahun taksiran 2002
Akta A1318	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)2007	Lihat seksyen 1 Akta A1318
Akta A1400	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan)2011	Lihat seksyen 1 Akta A1400

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1468	Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2014	Lihat subseksyen 1(2) hingga (33) Akta A1468
Akta 773	Akta Kewangan 2015	Tahun taksiran 2015 dan tahun taksiran yang berikutnya
Akta 812	Akta Kewangan 2018	s. 32 : 28-12-2018; s. 36, 37 dan 62: tahun taksiran 2019 dan tahun taksiran yang berikutnya; s. 33, 34 dan 35: 01-01-2019
Akta 833	Akta Kewangan 2021	01-01-2022

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 327

AKTA PENGALAKAN PELABURAN 1986

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A656	01-01-1986
2	Akta A656	01-01-1986
	Akta A715	01-01-1989
	Akta A715	01-01-1989
	Akta A862	27-10-1990
		Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yangberikutnya
	Akta A900	29-10-1993
	Akta 531	28-10-1994
	Akta A993	25-10-1996
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
	Akta 773	Tahun taksiran 2015 dan tahun yang berikutnya
	Akta 812	28-12-2018
	Akta 833	01-01-2022
4	Akta A862	01-11-1991
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
4A	Akta A862	01-11-1991
4B	Akta A900	29-10-1993
	Akta 531	28-10-1994
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
4C	Akta A900	29-10-1993

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
4D-4F	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
Tajuk Bab 1 Bahagian II	Akta 833	01-01-2022
4G-4L	Akta 833	01-01-2022
5	Akta A751	01-01-1989
	Akta A862	01-11-1991
	Akta A900	20-10-1994
	Akta A993	25-10-1996
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
6	Akta A715	01-01-1989
	Akta A862	01-11-1991
	Akta A900	20-10-1994
	Akta A993	25-10-1996
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
	Akta 812	01-01-2019
7	Akta A656	01-01-1986
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
9A	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
10	Akta A656	01-01-1986
11	Akta A656	01-01-1986

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
12	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
14A	Akta A656 Akta A715 Akta A862	01-01-1986 01-01-1989 01-11-1991
14B	Akta A862	01-11-1991
14C	Akta A862 Akta A1318	01-11-1991 Lihat seksyen 1 Akta A1318
16	Akta A656	01-01-1986
18	Akta A656 Akta A751 Akta A900 Akta A1318 Akta A1400	01-01-1986 01-01-1991 Tahun taksiran 1991 dan tahun taksiran yang berikutnya Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400
19	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
21	Akta A656 Akta A751 Akta A862 Akta A1400	01-01-1986 01-01-1991 01-11-1991 Lihat seksyen 1 Akta A1400
21A	Akta A656 Akta A751 Akta A1318 Akta A1400	01-01-1986 01-01-1991 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400
21B	Akta A862 Akta A1400	01-11-1991 Lihat seksyen 1 Akta A1400
21BA	Akta A1318 Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400
21C	Akta A862 Akta A993	01-11-1991 25-10-1996

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
21D	Akta A900 Akta A1400 Akta A1468	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
21DA	Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
21E	Akta A900 Akta A1400 Akta 812	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1400 01-01-2019
21F	Akta A900 Akta A993 Akta A1400 Akta A1468	20-10-1994 25-10-1996 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
21G	Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
21H-21J	Akta A1318 Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400
21K	Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
21L–21M	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
22	Akta A862	01-11-1991
	Akta A900	29-10-1993
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
22A	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
23	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
24	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
25	Akta A656	01-01-1986
	Akta A751	01-01-1991
	Akta A862	01-11-1991
	Akta A900	29-10-1993
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
	Akta 812	Tahun taksiran 2019 dan tahun taksiran yang berikutnya
26	Akta A656	01-01-1986
	Akta A751	01-01-1989
	Akta A900	29-10-1993

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
26A	Akta A900 Akta A1318	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1318
26D	Akta A900	20-10-1994
26E	Akta A900	20-10-1994
26F	Akta A900 Akta A993 Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	20-10-1994 25-10-1996 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
26G	Akta 531 Akta A1318	28-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1318
26H	Akta A1318 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
26I-26L	Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468 (kecuali 26J)	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
26M	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
26N	Akta A1318 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
26O	Akta A1318 Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
27	Akta A656 Akta A751 Akta A862 Akta A1318 Akta A1400	01-01-1986 01-01-1986 pada atau selepas 01-01-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400
27A	Akta A862	01-11-1991
27B	Akta A900 Akta A1468	20-10-1994 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
27C	Akta A900 Akta A1400	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1400
27D	Akta A900	20-10-1994
27E	Akta A900 Akta A1400	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1400
27F	Akta A900 Akta A1400	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1400
27G	Akta 531 Akta A1318 Akta A1400	28-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400
27H	Akta A1318 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
27I	Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
27J–27K	Akta A1318 Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Akta A1400
27L–27N	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
27O	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
27P	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
28	Akta A862	01-11-1991
	Akta A900	29-10-1993
	Akta 531	28-10-1994
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta 1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
28A	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
29	Akta A656	01-01-1986
	Akta A751	01-01-1986 01-01-1989
	Akta A862	01-01-1986 01-11-1991
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29A	Akta A862	01-11-1991
	Akta A877	10-12-1992
	Akta A900	29-10-1993
	Akta A993	25-10-1996
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
29AA	Akta A1318 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29B	Akta A862 Akta A993 Akta A1468	01-11-1991 25-10-1996 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29C	Akta A900 Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	20-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29D–29F	Akta A900 Akta A1468	20-10-1994 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29G	Akta A900 Akta A993 Akta A1468	20-10-1994 25-10-1996 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29H	Akta 531 Akta A1318 Akta A1468	28-10-1994 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29I–29J	Akta A1318 Akta A1468	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29K	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
29L	Akta A1318 Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Akta A1400
29M	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29N	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
29O	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
29P	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
29Q–29R	Akta 773	Tahun taksiran 2015 dan tahun yang berikutnya
30	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
30A	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
	Akta 812	Tahun taksiran 2019 dan tahun taksiran yang berikutnya
Bab 2A	Akta A751	01-01-1990
31A	Akta A751	01-01-1990
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
	Akta A1400	Lihat seksyen 1 Akta A1400

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
31B	Akta A751 Akta A1318	01-01-1990 Lihat seksyen 1 Akta A1318
31C	Akta A751 Akta A1318	01-01-1990 Lihat seksyen 1 Akta A1318
31D	Akta A751 Akta A1318	01-01-1990 Lihat seksyen 1 Akta A1400
31E	Akta A751 Akta A1318	01-01-1990 Lihat seksyen 1 Akta A1318
32	Akta A656 Akta A862 Akta A900 Akta A1318	01-01-1986 01-01-1992 29-10-1993 Lihat seksyen 1 Akta A1318
33	Akta A656 Akta A715 Akta A862 Akta A1318	01-01-1986 01-01-1989 01-01-1992 Lihat seksyen 1 Akta A1318
33A	Akta A715 Akta A862	01-01-1989 Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang berikutnya
34	Akta A656 Akta A862 Akta A1318	01-01-1986 01-01-1992 Lihat seksyen 1 Akta A1318
35	Akta A751 Akta A862 Akta A1318	01-01-1989 Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang berikutnya Lihat seksyen 1 Akta A1318
Bab 4	Akta A862	Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang berikutnya
36	Akta A656 Akta A751 Akta 438 Akta A862	01-01-1986 01-01-1986 05-09-1991 01-01-1991

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta A877	01-01-1993
	Akta A900	29-10-1993
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
36A	Akta A656	01-01-1986
	Akta 438	05-09-1991
	Akta A862	Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
37	Akta A656	01-01-1986
	Akta A751	01-01-1986
	Akta A862	Tahun taksiran 1993 dan tahun taksiran yang berikutnya
	Akta 531	28-10-1994
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
38	Akta A751	01-01-1986
	Akta A877	01-01-1993
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
39	Akta A656	01-01-1986
	Akta A751	01-01-1986
	Akta A862	01-11-1991
	Akta A877	01-01-1993
	Akta A900	29-10-1993
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
39A	Akta A656	01-01-1986
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
40	Akta A656	01-01-1986
	Akta A751	01-01-1986
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
40A	Akta A877	01-01-1993
	Akta A1318	Lihat seksyen 1 Akta A1318
Bab 7	Akta A900	29-10-1993

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1468	Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
41A	Akta A900 Akta A1468	29-10-1993 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
41B	Akta A900 Akta A993 Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	29-10-1993 25-10-1996 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
43A	Akta A656 Akta A862 Akta A900 Akta A1318 Akta A1400 Akta A1468	01-01-1986 01-11-1991 29-10-1993 Lihat seksyen 1 Akta A1318 Lihat seksyen 1 Akta A1400 Lihat subseksyen 1(1) hingga (33) Akta A1468
45	Akta A656	01-01-1986
46	Akta A656	01-01-1986
47	Akta A656	01-01-1986
48	Akta A656 Akta A751	01-01-1986 01-01-1989
50	Akta A751	01-01-1989
50A	Akta A656	01-01-1986
50AA	Akta A751	01-01-1990
50B	Akta A656 Akta A751 Akta A862	01-01-1986 01-01-1989 01-11-1991
51	Akta A656	01-01-1986
53	Akta A656	01-01-1986
Jadual	Akta A751 P.U. (A) 170/2001	01-01-1986 01-01-2001

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

P.U. (A) 267/2003

Mulai tahun taksiran
2002
